

Jilid 1
Bil. 42



Hari Khamis
9hb Disember, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5451]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 5479]

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan)
[Ruangan 5483]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimani).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang Dipertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATOK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat TUAN CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).

- Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMED SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HĀMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERPADUAN NEGARA-NEGARA
ARAB—PERANAN MALAYSIA

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah dan peranan yang dimainkan oleh negara kita dan negara-negara Islam yang lain, untuk mengujudkan Perpaduan Negara-negara Arab. Sejauh manakah penglibatan dan sokongan dan perasaan negara-negara Arab yang lain terhadap pencerobohan dan pembunuhan Askar Israel terhadap rakyat Islam Lebanon yang tidak berdosa itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, peranan yang dimainkan oleh negara kita dan negara-negara Islam yang lain untuk mewujudkan negara-negara Arab banyak tertumpu dalam usaha kita mewujudkan perpaduan dunia Islam. Misalnya penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada tahun 1969 yang dianggotai oleh 43 buah negara-negara Islam termasuk negara-negara Arab adalah hasil daripada peranan penting yang dimainkan oleh negara kita dan usaha gigih Yang Teramat Mulia

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia ketika itu yang ingin melihat negara-negara Islam bersatu padu bagi kestabilan dan kemakmuran seluruh umat Islam melalui kerjasama dalam berbagai bidang. Di samping Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah juga diberi penghormatan untuk mengisi jawatan Setiausaha Agung yang pertama dan beberapa orang pegawai kanan Wisma Putra dan Jabatan Peguam Negara telah ditugas untuk menubuhkan Urusetia Pertubuhan Persidangan Islam ini di Jeddah dan merangka Perlembagaan organisasi ini. Tidak syak lagi dengan peranan yang penting yang dimainkan oleh Malaysia dalam menubuhkan Pertubuhan Persidangan Islam ini dan bersama-sama dengan beberapa negara Islam yang lain dalam perkembangan pertubuhan seterusnya maka kita telah mewujudkan satu era baharu dan mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan negara-negara Islam termasuk negara-negara Arab bukan sahaja untuk menghadapi cabaran yang dihadapi oleh umat Islam di mana sahaja malahan juga untuk bekerjasama dalam penggunaan sumber-sumber yang ada di kalangan negara-negara Islam bagi kestabilan dan kemakmuran bersama.

Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting menerusi Pertubuhan Persidangan Islam ini dan secara bilateral dengan negara-negara Islam yang lain untuk mengukuhkan perpaduan Islam melalui kerjasama-kerjasama bukan sahaja dalam bidang politik malahan juga dalam bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan dan juga sosial.

Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan yang kedua mengenai penglibatan sokongan dan perasaan negara-negara Arab yang lain terhadap pencerobohan dan pembunuhan askar-askar Israel terhadap rakyat Islam di Lebanon, saya telah pun memberi jawapan yang panjang lebar semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi pada 11hb November, 1982 dan memadamkan saya menyatakan bahawa percakapan di antara negara-negara Arab sendiri memang telah membawa kesan buruk dalam usaha memajukan perjuangan rakyat Palestine ini.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa keadaan di Timur Tengah akibat daripada sikap pihak Israel membimbangkan negara-negara Islam. Jika sedar, adakah Malaysia akan mengambil langkah untuk menubuhkan satu Urusetia khas bagi menentukan dasar-dasar bagaimana cara kita menentang pihak ataupun sikap Israel yang kurang menyenangkan ini, jika tidak, mengapakah langkah-langkah tersebut tidak perlu diambil.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memang Malaysia kalau hendak bolehlah menubuhkan Urusetia yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi apa yang penting dalam hubungan ini adalah untuk mencari satu penyelesaian yang adil di Timur Tengah. Dan oleh sebab itu saya rasa ada cara-cara yang lebih elok dan lebih berkesan, misalnya menerusi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, menerusi OIC dan sebagainya yang boleh kita memainkan peranan untuk mencapai objektif yang dikehendaki.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, adakah beliau sedar bahawa peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar terhadap negara Arab adalah besar sekali. Oleh itu, adakah benar perpaduan negara Arab tidak akan wujud selagi adanya campur tangan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan juga Russia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita semua sedia maklum dan Malaysia juga maklum dan negara-negara ASEAN khasnya maklum banyak masalah-masalah yang terdapat dalam dunia sekarang ini adalah hasil campur tangan kuasa-kuasa besar dalam dunia ini sama ada untuk memajukan kepentingan masing-masing ataupun untuk mengurangkan kepentingan kuasa-kuasa besar yang lain. Oleh sebab itu memanglah Kerajaan bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat tadi iaitu masalah yang terdapat di Timur Tengah adalah banyaknya akibat campur tangan kuasa-kuasa besar di daerah itu. Itulah sebabnya maka Malaysia telah pun memberi sokongan yang kuat apabila tertubuhnya Majlis Kerjasama Negara-negara Teluk (Gulf Co-operation Council) iaitu tujuannya adalah sama seperti ASEAN. Dan dengan tertubuhnya Gulf Co-operation Council ini kita berharap negara-negara di rantau itu dapat menguatkan ketahanan mereka supaya keperluan mereka untuk bergantung kepada kuasa-kuasa besar akan kurang dan dengan itu kita berharaplah pengaruh kuasa-kuasa besar dapat dikurangkan di kawasan itu dan peluang untuk mencapai kestabilan politik di rantau itu akan lebih cerah lagi.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Apakah pihak Kerajaan Malaysia ada merancang dan mencadangkan untuk satu mesyuarat negara-negara Islam di Malaysia ini bukan sahaja dalam mencari titik

hubungan antara Kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia dengan negara-negara Arab dan lain-lain negara Islam tetapi juga untuk menunjukkan kenapa dunia Arab seluruhnya, dunia Islam seluruhnya bahawa Malaysia sekarang sedang berjalan ke arah hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam negara ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, Malaysia tidak buat sesuatu hanya untuk menunjuk tetapi kita buat oleh sebab kita menyakinkan sesuatu yang kita buat itu ada baiknya, malah lebih dari mengadakan persidangan, kita sudahpun memainkan peranan yang penting dalam penubuhan OIC itu sendiri dan selepas itu kita telahpun memainkan berbagai-bagai peranan untuk mengadakan tindakan-tindakan susulan. Misalnya pada tahun 1974 kita telah menganjurkan suatu persidangan Menteri-menteri Luar negara-negara Islam di Kuala Lumpur dan dalam Mesyuarat itu kita telah pun sarankan iaitu Allahyarham Perdana Menteri kita pada masa itu Tun Abdul Razak telah pun menyarankan 2 perkara yang penting. Satu, adalah untuk menubuhkan Tabung Perpaduan Islam (Islamic Solidarity Fund) iaitu untuk maksud memberi bantuan mengenai apa sahaja masalah yang dihadapi oleh umat Islam di mana-mana sahaja dalam dunia ini. Kedua, ialah untuk menubuhkan Islamic Development Bank dan kedua-dua perkara ini sekarang sudahpun berjalan dengan elok dan mungkin oleh sebab pengiktirafan dunia Islam terhadap keikhlasan kita maka Malaysia telah pun diberi penghormatan untuk menduduki sebagai ahli Lembaga Pengarah di kedua-dua badan ini dan di samping itu kita telah juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi di antara negara-negara Islam dan sebagai contoh supaya jangan kita hanya bercakap

tetapi kita mengkotakan apa yang kita kata, kita telah pun menganak-angkatkan negara Mali, sebuah negara yang begitu miskin di Padang Pasir Sahara iaitu sebagai contoh bagaimana kita dapat memberi bantuan yang berkesan kepada sebuah negara Islam yang miskin. Buat permulaan kita telah pun menghantarkan 10,000 tan beras ke negara itu untuk mengatasi masalah kebuluran yang bernilai lebih dari \$14 juta dan sekarang kita sudahpun tubuhkan satu bahagian yang dinamakan Bahagian Mali di Wisma Putra dan pada bulan Januari kita akan menghantar suatu rombongan teknik ke negara itu untuk meninjau tentang cara bagaimana kita dapat memberi bantuan secara jangka pendek dan jangka panjang bagi pembangunan negara itu. Inilah tanda-tanda ataupun bukti-bukti yang nyata bahawa kita memang ikhlas benar-benar dalam usaha kita untuk mewujudkan perpaduan dan kerjasama di antara negara-negara Islam dalam dunia ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi beliau menyatakan salah satu peranan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk perpaduan negara-negara Islam dan Arab ialah dengan menjayakan penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam. Saya masih ingat lagi semasa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Setiausaha Agungnya Badan ini begitu giat sekali sehingga berjaya menubuhkan salah satunya ialah Bank Pembangunan Islam tetapi akhir-akhir ini nampaknya Pertubuhan ini tidak lagi kedengaran kegiatannya. Apakah langkah-langkah yang pihak Kerajaan bercadang untuk mengambil supaya Badan ini dapat berjalan seperti pada mulanya ditubuhkan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah saya sedar dan Kerajaan

juga sedar bahawa memang terdapat beberapa kelemahan dalam perjalanan OIC ini dan ianya tidak maju sebagaimana yang dikehendaki selepas begitu lama ditubuhkan dan itulah sebabnya sebagai satu contoh untuk menekankan bahawa OIC ini patut diperlicinkan jenteranya maka kita telah pun mengambil tindakan untuk menghantar beras yang saya maksudkan tadi 10,000 tan ke Mali itu secara terus kepada Mali sungguhpun mengikut persetujuan OIC segala bantuan kepada negara-negara ahli itu harus disalurkan menerusi Sekretariat OIC tetapi kita telah pun mengambil tindakan untuk menghantar terus, kerana kita tahu kalau tidak menghantar menerusi saluran OIC, ini mungkin akan memakan masa setahun atau dua tahun. Tetapi oleh sebab kita telah menghantar secara terus, ini hanya memakan masa di antara 3 atau 4 bulan sahaja. Ini cuma satu cara untuk kita menekankan yang Sekretariatnya dan aturan peraturannya harus diperkemas lagi.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan berbagai-bagai penglibatan negara kira sama ada dari segi ekonomi, kebudayaan, ugama dan sebagainya bagi memperkukuhkan perpaduan negara-negara Islam di dunia ini.

Saya suka menarik perhatian ataupun bertanya kepada Yang Berhormat, adakah difikirkan menasabah bahawa ntuk bertindak secara lebih berkesan lagi di bidang ekoomi ini Malaysia seharusnya memikirkan supaya dapat diusahakan bagi mengadakan Persatuan Ekonomi Negara-negara Islam sepertimana yang dibuat di Eropah.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheik Fadzir: Tuan Yang Dipertua, soal mengadakan Persatuan Ekonomi Negara-negara Islam memanglah satu

cadangan yang baik tetapi sukar hendak dipraktikkan khasnya oleh sebab negara-negara Islam agak begitu berasingan, berjauhan antara satu sama lain. Jadi itu mungkin merupakan satu masalah praktikal yang sukar diatasi.

Nanum demikian, saya rasa berbagai-bagai kerjasama ekonomi dan rancangan memang sedang pun dijalankan menerusi berbagai-bagai sekretariat dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil OIC sendiri. Misalnya, sebagaimana yang saya nyatakan tadi Islamic Development Bank, Islamic Solidarity Fund dan juga misalnya kita ada satu lagi Jawatankuasa Sahel iaitu untuk membangunkan negara Islam yang miskin di Padang Pasir Sahara dan Malaysia merupakan salah sebuah negara Islam bukan Arab yang ulung yang menduduki dalam jawatankuasa Sahel ini. Ini menunjukkan penghargaan yang telah diberi kepada negara kita oleh dunia Islam.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji

Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke negara Asia Barat baru-baru ini ada membincangkan masalah keamanan di rantau itu dan mewujudkan perpaduan di negara Arab bagi menentang musuh utama mereka dengan pemimpin negara di Asia Barat?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah salah satu tujuan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Timur Tengah baru-baru ini adalah untuk mewujudkan atau mempereratkan hubungan baik antara negara-negara Islam. Tetapi banyak juga perbincangan-perbincangan ini boleh di buat secara terang dan ada pula yang lain itu terpaksa perbincangan itu di buat

dengan cara tidak dalam akhbar dan sebagainya. Lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Mesir misalnya merupakan satu lawatan yang penting oleh sebab mungkin ini merupakan satu notis juga secara tidak langsung kepada dunia Islam bahawa Mesir boleh dan patut diberi peluang untuk memainkan peranan yang penting dalam kerjasama dunia Islam dan seelok-eloknya Mesir haruslah dibawa masuk ke famili negara-negara Islam.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan sebab-sebabnya Israel sangat bermaharajalela adalah kerana negara-negara Arab sendiri bercakaran sesama sendiri. Ini adakah kerana negara-negara Arab sebagai mana kita tahu adalah negara yang kaya dan tidaklah perlu antara mereka mempunyai pertolongan ekonomi antara mereka. Ini merupakan sikap negara-negara kaya seperti juga orang kaya. Jadi, apakah kejayaan ekonomi negara mereka itu merupakan sebab-sebab mereka itu berpecah dan oleh kerana negara-negara Arab ini adalah negara kaya dan termasuk pemimpin PLO sendiri iaitu Yassir Arafat adalah merupakan tokoh jutawan, jadi apakah perlunya kita mengutip derma Palestine yang masih berjalan dalam negara kita sekarang ini dan tidakkah seperti mencurahkan garam ke laut sahaja.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan kejayaan negara kita menyatakan 43 buah negara-negara Islam termasuk negara Arab yang dinamakan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Tidakkah pernah ataupun adakah pernah negara-negara Arab dengan inisiatif daripada Pertubuhan Persidangan Islam ini untuk mengadakan suatu penyatuan tenaga

ketenteraannya untuk menyerang Israel ini, kerana kita tahu bahawa negara Israel adalah negara yang kecil dan letaknya pun di tengah-tengah negara Arab yang begitu kuat, saya fikir jika disatukan tenaga. Jadi, kejayaan yang diharapkan itu sama ada telah tercapai atau tidak matlamatnya.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sokongan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan Palestine adalah datang dari hati yang ikhlas, begitu juga sokongan yang diberi oleh rakyat Malaysia terhadap perjuangan Palestine juga adalah ikhlas. Oleh sebab itu, kutipan wang yang diberi oleh orang-orang miskin, orang-orang kampung diseluruh pelusuk tanahair terhadap perjuangan Palestine ini adalah satu tanda menghormati dan menyokong perjuangan suci rakyat Palestine ini.

Soal sama ada mereka ini kaya atau miskin, itu adalah satu bab yang lain. Tetapi ini juga satu tanda yang kita begitu jauh dari bumi Palestine yang kebolehan kita untuk memberi bantuan yang berkesan begitu sukar sekali memandangkan di daerah rantau itu pun tidak ada penyatu-paduan tenaga Islam, maka kita telah pun memberi sokongan kita dengan berbagai-bagai cara.

Pertamanya adalah dengan rakyat mengutip wang dan boleh memberi sumbangan mereka sungguhpun kecil jumlahnya.

Keduanya mengenai penyatuan tentera, saya memanglah bersetuju dan saya rasa siapa juga akan bersetuju kalau benar-benar negara-negara Arab dapat menyatupadukan tenaga mereka, dapat menyatupadukan askar-askar mereka, sudah tentu dengan mudah sekali mereka dapat menghancurkan keganasan Israel dan setahu saya peperangan antara negara-negara

Arab dan Israel sudahpun empat kali berlaku iaitu pada tahun 1948, tahun 1956 dan tahun 1967 dan ketiga-tiga kali ini mereka telah pun kalah dengan teruknya tetapi selepas tahun 1967 mereka telah pun menubuhkan apa yang dikatakan "Joint Arab/Air Raid Command" dan pada masa itu buat pertama kalinya mereka telah pun mengadakan suatu penyatuan tentera mereka dan dalam peperangan pada tahun 1973 buat pertama kalinya tentera Arab, buat permulaannya dapat mengalahkan tentera Israel. Sungguhpun akhirnya kejayaan ini tidaklah setakat mana tetapi ini telah membuktikan kepada seluruh dunia bahawa tentera Israel bukanlah invincible dan boleh dikalahkan dengan syarat negara-negara Arab mestilah bersatupadu.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri bahawa salah satu daripada sebab-sebab begitu ganasnya pencerobohan tentera Israel terhadap rakyat Palestine di Lebanon ini ialah kerana sokongan dan juga didatangi oleh negara Amerika. Jadi, usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan adalah dengan berbagai-bagai cara dan usaha daripada orang ramai juga ada iaitu beberapa pertubuhan telah pun menjalankan kempen supaya memulaukan barang-barang keluaran Amerika. Jadi, setakat ini apakah pandangan pihak Kerajaan terhadap tindakan badan-badan ini dan adakah Kerajaan memberi sokongan. Daripada jawapan itu tadi, kalau ya jawabnya, adakah usaha Kerajaan pula untuk menyebarkan lagi kempen-kempen untuk memulaukan barang-barang Amerika ini dengan negara-negara Islam yang lain walaupun ini mungkin tidak menjejaskan ekonomi Amerika tetapi merupakan satu tindakan protes

daripada negara-negara Islam dan kita tidak perlu bimbang kepada tindak balas barat kerana Malaysia sekarang ini lebih banyak memandangi ke Timur daripada memandangi ke Amerika.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kempen untuk menjayakan sesuatu perjuangan yang popular seperti masalah Palestine ini haruslah datangnya dari rakyat, bukannya dari Kerajaan dan oleh itu segala tindakan yang dapat memajukan sesuatu perjuangan yang popular itu sudah tentulah Kerajaan akan memberi sokongan tetapi tidak seharusnya dalam tiap-tiap keadaan seperti itu dia memberi sokongan yang rasmi, tetapi mungkin memberi sokongan yang moral. Misalnya dalam masalah Palestine memang Kerajaan sekarang telah pun mengambil berbagai-bagai langkah, misalnya untuk menunjukkan, untuk menayangkan documentary filem mengenai perjuangan rakyat Palestine, mengenai kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Lebanon dalam TV, Radio dan sebagainya. Saya rasa ini merupakan langkah-langkah yang positif untuk menyedarkan rakyat mengenai pergolakan dan juga mengenai masalah yang dihadapi oleh rakyat Palestine di Timur Tengah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, apakah benar negara-negara Arab mempunyai satu keturunan bangsa dan juga agama iaitu agama Islam tetapi mereka itu mempunyai perbezaan politik dan fahaman yang berlainan yang wujud di kalangan negara-negara Arab itu sendiri.

Yang kedua, apakah bantuan yang diberi kepada Mali itu merupakan satu tindakan ekonomi yang dijalankan secara langsung ataupun ada juga di

jalankan secara tidak langsung yang mungkin boleh mewujudkan persaudaraan dan juga muhibbah di antara negara-negara Arab. Apakan Kerajaan akan meneruskan usaha ini kepada negara-negara lain yang ada di negara tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah perpecahan di kalangan umat Islam adalah satu masalah yang nyata tetapi sukar diatasi. Misalnya dalam negara kita sendiri sungguhpun umat Islam begitu ramai tetapi masih terdapat perpecahan oleh sebab ada orang yang mahu menggunakan agama untuk memajukan kepentingan politik mereka itu. Jadi, di negara-negara Arab, di dunia Arab pun perkara ini memanglah satu perkara yang nyata tetapi di sana ada juga berbagai-bagai perbezaan pendapat, perbezaan strategi politik, perbezaan ideologi misalnya, juga terdapat negara-negara seperti Algeria, Libya, Iraq, Syria, Yaman Utara yang merupakan negara-negara yang banyak mempunyai dasar-dasar ataupun merep ke socialism dan di samping itu pula kita mengetuai negara-negara monarchy seperti Saudi Arabia, Emirate Arab Bersatu dan sebagainya, maka sudah tentulah ini merupakan perbezaan-perbezaan politik, perbezaan-perbezaan ideologi dan sebagainya tetapi ini tidak seharusnya membawa kepada perpecahan jika mereka sedar mengenai masalah-masalah ataupun kepentingan bersama. Jadi, itulah Malaysia berharap dapat memainkan peranannya dalam badan-badan seperti OIC dan menerusi OIC mungkin kita dapat membawa pengaruh dan sedikit sebanyak dalam Liga Arab, dalam Gulf Co-operation Council dan sebagainya supaya negara-negara Arab yang mempunyai begitu banyak kekayaan dapat menyatupadukan tenaga mereka untuk kebaikan dunia Islam keseluruhannya.

Kedua, mengenai soal Mali, kita memang mempunyai niat yang besar iaitu untuk membantu siapa juga yang perlu dibantu tetapi memanglah tenaga kita itu terhad, kemampuan kita juga terhad, itulah sebabnya yang kita telah menganak-angkatkan sebuah negara sahaja iaitu Mali. Sebagai satu contoh bagaimana sebuah negara Islam yang berkemampuan sedikit dapat menolong sebuah negara Islam yang lain jika message kita ini dapat disampaikan kepada negara-negara Islam lain yang kaya, maka tentulah negara-negara yang lain juga yang kaya dapat mengikuti contoh kita itu, tauladan kita itu dan dengan itu dapatlah kita wujudkan kerjasama yang lebih berkesan di antara negara-negara Islam.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, saya masih berminat tentang Pertubuhan OIC. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada soalan saya tadi nampaknya bolehlah dianggap bahawa Kerajaan kita kurang yakin terhadap peranan urusetia yang dimainkan oleh OIC sekarang, sebagai contohnya Kerajaan sepatutnya menghantar bantuan itu melalui OIC tetapi dihantar terus kepada negara Mali. Jadi ini membuktikan kita kurang yakin terhadap urusetianya. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk menawarkan diri supaya kita mengambil alih urusetia OIC ini dipegang oleh Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang Dipertua: Belum berjawab lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kita telah pun memainkan peranan yang penting dalam melahirkan OIC dan sekarang ini memang terdapat berbagai kelemahan tetapi jika kelemahan-kelemahan ini dapat diperbaiki maka

akan timbul ataupun wujud pula kelemahan-kelemahan yang baru. Jadi saya rasa cara yang seelok-eloknya bukanlah untuk kita mengambil alih. Kalau kita mengambil alih bukan bermakna kita dapat menyelesaikan semua masalah tetapi cara seelok-eloknya kita haruslah memberi cadangan kita dan juga sumbangan kita untuk memperbaiki jentera OIC itu.

Dalam Persidangan Menteri-menteri Luar OIC di Miami baru-baru ini. Menteri Luar negara kita juga telah dengan tegasnya memberikan beberapa cadangan untuk memperbaiki jentera OIC ini termasuk rangka kerjasama ekonomi mereka ini.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa membantu negara-negara Arab seperti Mali dengan bantuan beras dan sebagainya. Kita juga menentang keras di atas keganasan Israel terhadap negara-negara Arab dan negara-negara jirannya. Dalam soalan tambahan ini, saya suka bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri sama ada Kerajaan bercadang sekiranya bantuan Kerajaan Malaysia diperlukan untuk menghantar tentera kita membantu negara-negara Arab yang diserang oleh Israel sama ada kita bersedia untuk menghantar pada bila-bila masa tentera negara kita jika dihendaki berbuat demikian?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama tadi mengenai bantuan kita kepada Mali, saya kurang faham, dan kalau dapat diulang sekali lagi.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Saya menyatakan bahawa kita ada memberi bantuan kepada Mali, sebuah negara Islam dan menghantar beras dan sebagainya. Saya katakan apakah

bantuan-bantuan seperti menghantar tentera kita juga untuk membantu negara-negara yang diancam oleh Israel perlu dibuat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, bantuan kita kepada Mali di samping memberi bantuan secara direct itu adalah merupakan satu simbol, satu message yang begitu penting iaitu bahawa kita mesti kota apa yang dikatakan. Kalau kita telah mengadakan satu perjanjian dan bersetuju bahawa negara-negara kaya harus membantu negara-negara miskin, kita harus mengkotakannya. Kalau negara-negara Islam yang kaya menyatakan telah bersetuju bahawa mereka harus menyokong negara-negara yang miskin, mereka harus mengkotakannya. Ini adalah merupakan bantuan kita terhadap Mali ataupun keputusan kita untuk menjadikan Mali itu sebagai anak angkat kita dari segi pembangunan merupakan satu simbol, satu message yang penting mengenai message ini sama juga dengan keputusan kita untuk membantu negara-negara kecil di Pasifik Selatan. Ini merupakan suatu message kepada negara-negara besar dan kaya seperti Amerika Syarikat dan juga United Kingdom, Jepun dan sebagainya bahawa kalau mereka melaung-laungkan untuk mempertahankan sistem demokrasi berparlimen, hendak mempertahankan sistem perdagangan bebas maka mereka patutlah membuat lebih sumbangan dari hanya melaung-laungkan ataupun membuat ucapan sahaja. Jadi ini simbolik.

Mengenai soalan menghantar tentera ke Israel sebagaimana kita tahu perkara ini tidaklah timbul sekarang, oleh sebab masalah perjuangan rakyat Palestine ini bukanlah masalah tentera ataupun kekuatan tentera, tetapi sama ada kita akan menghantar tentera, Kerajaan kita akan membuat keputusan apabila masalah itu benar-benar timbul nanti.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Pemergian kita ke Pasifik Selatan memanglah betul tetapi saya dengar ada dibangkitkan empat kali mengenai bantuan itu kepada Mali. Jadi saya ingin tahu adakah bukti yang menunjukkan bantuan kita itu telah sampai kepada orang-orang yang kita tuju?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memang bantuan kita telah hantar kepada Mali itu sampai kepada orang-orang yang sedang kebuluran di padang-padang pasir Sahara. Pegawai-pegawai kita sendiri telah menjamin perkara itu mencapai matlamatnya.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa wujudnya peperangan antara Iran dan Iraq telah menjajaskan usaha-usaha negarawan dunia Islam di dalam hendak menyatupadukan perpaduan umat Islam di dunia ini dan kalau tak salah saya Malaysia telah dipilih sebagai salah satu daripada anggota jawatankuasa untuk mengadakan perdamaian di antara kedua buah negara Islam ini dan setakat ini sejauh manakah usaha-usaha itu dijalankan dan mengapakah perdamaian di antara kedua-dua negara ini tidak wujud hingga kini. Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan atau menjadi batu penghalang mendamaikan kedua-dua negara Islam itu?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, masalah peperangan Iran-Iraq itu telah membawa kerugian yang amat besar kepada kesejahteraan dunia Islam. Malaysia sendiri telah pun dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa OIC untuk mencari perdamaian di antara kedua buah negara ini dan kita telah pun, termasuk Perdana Menteri kita sendiri telah pun menghadiri berbagai mesyuarat mengenai perkara

ini tetapi sehingga sekarang kita tidak dapat kejayaan yang dikehendaki. Tentang apakah sebab sebenarnya bahawa kita tidak dapat mencapai kejayaan maka sukarlah kita hendak memberi pandangan oleh sebab kita akan dituduh pula untuk campur tangan dalam hal ehwal negara lain, tetapi kita akan berikhtiar sedaya upaya kita untuk mencari satu penyelesaian kepada peperangan ini.

DASAR PANDANG KE TIMUR

2. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi dan sambutan oleh Kerajaan Jepun dan Korea terhadap dasar Kerajaan Malaysia yang sedang mengambil sikap dan contoh ketimuran dan mengharapkan kerjasama dalam bidang kemahiran, teknologi dan kepakaran, dan sebagainya dari Jepun dan Korea itu. Sejauh mana kejayaan kita selama ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Jepun dan Korea Selatan memang menyambut baik dasar pandang ke Timur. Kerajaan kita sekarang khususnya untuk memperolehi pengetahuan teknologi kepakaran, pengurusan dan etika kerja daripada mereka. Mereka juga telah menyatakan kesanggupan untuk memberi segala kerjasama bagi menjayakan dasar kita itu. Dalam hal ini kedua-dua negeri Jepun dan Korea Selatan juga telah sanggup untuk mengadakan tempat-tempat kepada pelajar-pelajar kita di Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan untuk latihan sambil bekerja di beberapa buah firma di negeri-negeri tersebut.

Sejauh ini hasil dasar pandang ke Timur ini sangatlah menggalakkan. Setakat ini seramai 75 orang pelajar-pelajar Malaysia sedang menuntut di Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di

negeri Jepun di bawah anjuran Kerajaan Jepun sendiri. Pada tahun ini 42 orang penuntut lain telah dipilih untuk mengikuti kursus Bahasa Jepun dan mereka akan dihantar untuk melanjutkan pelajaran tinggi juga ke negeri Jepun pada tahun 1984. Di samping itu Kerajaan Jepun telah menawarkan 20 orang guru Bahasa Jepun ke Malaysia bagi menjalani kelas Bahasa Jepun di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di sini, 7 orang telah pun dihantar sementara 13 orang lagi akan dihantar kelak.

Bagi pelatih-pelatih perindustrian dan teknik pula Kerajaan telah menghantarkan seramai 135 orang ke negeri Jepun pada bulan September 1982. Mereka akan mengikuti latihan sambil kerja di firma-firma Jepun.

Pada tahun 1983, Kerajaan bercadang untuk menghantar 535 orang lagi pelatih-pelatih tersebut ke negeri Jepun manakala di Korea Selatan pula kita telah mencadangkan supaya penghantaran pelatih-pelatih kita bermula pada tahun 1983 dan diteruskan bagi dua tahun iaitu 1984 dan 1985. Seramai 60 orang pelatih akan dihantar bagi tiap-tiap tahun. Dalam hal ini Kerajaan Korea Selatan telah pun menghantar dua orang guru bahasa untuk mengajar bahasa Korea kepada pelatih-pelatih tersebut dan guru-guru ini telah pun memulakan kelas bahasa Korea di Institute Teknologi MARA.

Ekoran daripada pengambilan dasar Kerajaan pandang ke Timur ini pelaburan dalam sektor perkilangan oleh penguasa-penguasa Jepun telah meningkat khususnya dalam bidang perusahaan berat. Perjanjian asas telah pun dibuat oleh pihak pelabur Jepun dengan Kerajaan kita untuk bekerjasama dalam menjayakan projek-projek tersebut seperti menubuhkan kilang sponge air di Telok Kalung, Trengganu, projek

pengeluaran motosikal, motokar, depoh arang batu dan lain-lain. Melalui projek-projek ini kita dapat memperolehi pengetahuan teknologi, kemahiran dan kepakaran daripada mereka.

Dasar ini juga telah mendapat sambutan baik daripada pembekal-pembekal Jepun yang mana telah turut serta untuk menjayakan projek-projek pembangunan seperti Lebuh raya Timur/Barat, projek Dayabumi dan projek pembaikan Pelabuhan Kuantan, manakala pembekal-pembekal Korea pula telah turut serta dalam projek jambatan Pulau Pinang, projek gas cecair Bintulu, Kampus Induk UTM di Johor dan projek empangan Kenyir. Projek-projek seperti ini telah memberi peluang kepada pekerja-pekerja kita untuk mendapat latihan sambil bekerja.

Selaras dengan dasar ini juga Kerajaan Jepun telah meningkatkan lagi bantuan teknikal serta kredit Yen kepada Malaysia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dalam jawapan yang telah diberikan tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan Malaysia untuk memperolehi pengetahuan teknologi kepakaran, pengurusan dan sebagainya di bawah dasar pandang ke Timur ini. Sungguhpun demikian, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kononnya Kerajaan Jepun tidak begitu bermurah hati apabila berbangkit soal tentang pemindahan teknologi ataupun dengan izin dalam bahasa Inggeris transfer of technology dan jika beliau sedar tentang hal ini, maka saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimana Kerajaan Malaysia menghubungi masalah tentang pemindahan teknologi ini dan apakah hasrat Kerajaan terhadapnya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, dasar pandang ke Timur, Malaysia baru sahaja diisytiharkan. Kita masih lagi, saya rasa dalam peringkat yang terlalu awal untuk membuat sesuatu penentuan sama ada dasar itu berjaya ataupun satu aspek dalam dasar itu berjaya atau tidak.

Masalah soal transfer of technology ini memanglah kita buat masa ini kita sudahpun mrnghantar berpuluh-puluh pelatih kita untuk melatih sambil bekerja di firma-firma di Jepun. Ini juga saya rasa merupakan satu aspek transfer of technology, begitu juga dalam kontrak-kontrak yang besar yang sedang pun dijalankan oleh syarikat-syarikat Jepun. Di Malaysia kita memang mensyaratkan supaya mereka mengambil pekerja-pekerja kita dari segala peringkat untuk menyertai dalam pelaksanaan projek-projek itu, sama ada dalam peringkat pengurusan ataupun kepada peringkat-peringkat bawahan, dan ini juga saya rasa adalah merupakan satu aspek transfer of technology. Walau bagaimanapun, saya rasa adalah terlalu awal untuk kita membuat sesuatu keputusan, sesuatu penentuan sama ada ini berjaya atau tidak ataupun sama ada pihak Jepun ikhlas atau tidak atau mahu menyambut keperluan kita atau tidak, jadi saya rasa terlalu awal untuk kita membuat keputusan sekarang ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun dan Korea dalam bidang dasar pandang ke Timur, apakah Kerajaan Malaysia selain daripada menghantar penuntut-penuntut kita berlatih dalam bidang teknologi di sana, apakah juga Kerajaan Malaysia pada masa hadapan bercadang untuk menghantar pasukan-pasukan tentera kita untuk mengadakan latihan di sana kerana

bidang ketenteraan di sana lebih maju jauh daripada kita.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, saya nampak semasa sidang belanjawan ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, langsung tidak nampak bayangnya dalam Dewan ini, kenapa? Kemana perginya?

Tuan Yang Dipertua: Soalan nombor dua tidak dibenarkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, mengenai sama ada kita akan hantar tentera kita untuk berlatih di negeri Jepun, saya rasa apa juga kalau kita dapat bidang-bidang yang baik di negeri Jepun itu kita akan cubalah mempelajari, tetapi bukan sahaja dari Jepun sahaja, di negara-negara lain juga. Sungguhpun kita mengamalkan dasar pandang ke Timur, bukan bermakna pintu ke tempat-tempat lain tertutup, malah dengan adanya dasar ini kita telah membebaskan pemikiran kita dan style kita juga dari kebiasaan kita selama ini yang hanya pandang ke Barat sahaja, tetapi dengan adanya dasar baru ini dan dengan cara shock effect yang telah pun ianya diperkenalkan kepada dunia, maka ianya telah memberi satu kesan sampingan yang cukup berguna kepada kita iaitu dengan membebaskan pemikiran kita dan dengan ini kita sekarang dapatlah merangkumi seluruh dunia untuk mencari segala yang baik bagi kita.

Mengenai latihan ketenteraan kita ini, saya rasa segala aturan peraturan latihan yang sedia ada dalam negara kita sekarang ini cukup buat masa ini untuk melatih tentera kita supaya menjadi satu tentera yang cukup cekap.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawa projek jambatan Pulau Pinang adalah salah satu projek yang dicadang supaya

rakyat Malaysia dapat bekerjasama dengan kontraktor dari Korea.

Saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini salah satu syarikat bumiputera di Pulau Pinang telah mengadakan perjanjian untuk membekal batu-batu untuk pembinaan jambatan Pulau Pinang tadi. Apa yang berlaku ialah setelah ditandatangani perjanjian membekal batu kepada syarikat Hyundai tadi, pada mulanya dalam 3-4 hari syarikat ini menerima bekalan batu daripada syarikat yang tersebut, tetapi lepas seminggu pihak syarikat Hyundai cuba membuat helah menyatakan batu yang dihantar oleh syarikat ini tidak sampai kepada mutu, tidak mencapai mutu yang dikehendaki, pada hal orang-orang daripada syarikat atau wakil syarikat Hyundai itu ada di tempat kuari yang berkenaan. Setelah batu ini dihantar dengan lori ke tapak jambatan, ditolak. Ini sebagai satu helah. Saya tidak tahu sama ada hendak menipu atau sebagainya, jadi kalau Yang Berhormat sedar perkara-perkara yang berlaku, yang dijalankan oleh kontraktor dari Korea ini yang bersikap negatif terhadap hasrat Kerajaan kita ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sesebuah Kerajaan boleh membuat dasar dan sesebuah Kerajaan juga boleh membuat aturan peraturan tertentu untuk menjalankan dasar-dasar itu, tetapi bila sampai kepada peringkat pelaksanaan maka sudah tentu kita akan menghadapi dengan berbagai-bagai faktor kemanusiaan (human factors), ketidak ikhlisan, tidak cekap, tamak, dengki dan sebagainya. Memanglah apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi merupakan satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku, dan oleh itu saya rasa perkara itu haruslah diketengahkan dan sudah tentu Kementerian yang berkenaan,

iaitu Kementerian Kerjaraya akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memperbetulkan keadaan tersebut.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dari bilangan pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih yang telah dihantar dan dirancang akan hantar belajar dan berlatih di negeri Jepun dan Korea serta pertukaran teknologi dan juga pertukaran dagangan dan sebagainya dibandingkan dengan peluang-peluang pelaburan dan keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada syarikat-syarikat Jepun dalam projek-projek dan juga syarikat-syarikat Korea, adakah seimbang dan setimpal faedah timbal balik ini yang didapati oleh Malaysia?

Kedua, adakah Kerajaan menentukan jangka masa bagi dasar pandang ke Timur ini apabila ianya membuat pengkajian yang teliti untuk menentukan faedah bagi Malaysia?

Ketiga, apa pula pandangan dan kesan-kesan tindakan negara-negara Barat apabila Kerajaan Malaysia membuat dasar pandang ke Timur terhadap ekonomi negara Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, kontrak-kontrak yang telah Kerajaan beri kepada syarikat-syarikat dari Jepun dan juga Korea Selatan di negara kita ini bukanlah merupakan suatu hadiah (gift) kepada syarikat-syarikat tersebut atau negara-negara tersebut oleh sebab mereka sanggup untuk melatih orang-orang kita di negeri masing-masing, tetapi merupakan pemberian yang telah pun mengikut aturan peraturan (procedure) Kerajaan yang biasa, iaitu cara tawaran dan sebagainya, jadi tidaklah boleh kita kaitkan dua perkara itu. Tetapi mungkinlah dalam pemberian kontrak-kontrak ini oleh sebab kita ada dasar yang berkenaan, kita telah pun mengenakan berbagai-bagai syarat, misalnya dari segi latihan,

transfer of technology dan sebagainya dan mungkin ini juga telah diambil kira dalam menentukan harga tawaran-tawaran yang telah pun diberikan.

Keduanya, mengenai kesan dari negara, minta ulang sedikit soalan itu?

Datin Paduka Zaleha binti Ismail:

Tuan Yang Dipertua, yang keduanya adakah Kerajaan menentukan jangka masa bagi dasar pandang ke Timur untuk mengenai faedah-faedah yang didapati oleh Malaysia.

Bahagian ketiga ialah apa pula pandangan dan kesan tindakan-tindakan negara-negara Barat terhadap ekonomi negara Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sudah tentulah tiap-tiap dasar Kerajaan akan dikaji dari semasa ke semasa, sama ada kita akan kaji dengan cepat atau dengan lambat, itu bergantunglah kepada berbagai-bagai keadaan tetapi sudah tentulah ini akan dikaji dan disesuaikan dari semasa ke semasa.

Mengenai pandangan negeri-negeri Barat kepada negara kita khususnya oleh sebab dasar kita yang baru ini, saya rasa Kerajaan tidaklah membuat sesuatu dasar berdasarkan pandangan sesebuah negara lain terhadap kita tetapi kita adakan beberapa dasar mengikut kepentingan negara kita dan juga rakyat kita.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:

Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tadi nampaknya ramai guru-guru daripada Jepun dan juga daripada Korea telah dihantar ke Malaysia untuk mengajar murid-murid kita di sini. Saya masih teringat semasa di bangku sekolah dahulu dalam tahun 1941 sampai 1945 ramai orang di Malaysia boleh

bercakap Jepun, menyanyi Jepun dan perangai pun macam Jepun (*Ketawa*) Adakah tujuan Kerajaan kita membenarkan guru-guru itu datang ke sini supaya mengajar sebegitu rupa macam tahun 1941 sampai 1945 orang kasih kepada Jepun.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, setahu saya guru-guru itu tidaklah bertujuan hendak ajak kita menyanyi Jepun dan begitu juga berperangai Jepun, tetapi hanya untuk menyediakan bakal pelatih-pelatih kita dan juga bakal pelajar-pelajar kita yang akan pergi melanjutkan pelajaran mereka di negeri Jepun.

Tuan Mohamed Idris bin

Mohammad Basari: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebentar tadi kita dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menerangkan setakat ini berjaya atau tidak dasar Pandang ke Timur ini adalah terlalu awal untuk kita menerangkan. Yang ingin saya tahu ialah dasar pandang ke Timur ini telah mengakibatkan beberapa perkara berkaitan dengan teknologi dan sebagainya. Andai kata, sampai masanya kita dapati atau Kerajaan dapati dasar Pandang ke Timur ini tidak memberi faedah atau kejayaan yang diharapkan, apakah nanti Kerajaan akan cuba pula memandang ke satu arah yang lain?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita tahu Kerajaan yang ada sekarang ini telah pun memberi berbagai-bagai tindakan yang mana saya rasa dengan jelasnya dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tadi. Misalnya keputusan Kerajaan untuk membenarkan Laporan Auditor-General kita disiarkan dengan begitu luas dalam Akhbar-akhbar merupakan satu tindakan berani untuk mengkritik diri sendiri. Begitu juga misalnya

keputusan Kerajaan untuk menarik balik Akta Pertubuhan kelmarin di Dewan Parlimen juga merupakan satu tindakan berani untuk menghadapi kenyataan. Jadi saya rasa dasar yang begitu penting seperti dasar pandang ke Timur ini tidak akan menjadi satu masalah atau satu keberatan kepada Kerajaan untuk mengkajinya dari semasa ke semasa dan memberhentikannya juga, jika perlu, jika masalah itu timbul nanti.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Di samping kita memperolehi kemahiran teknologi dan kepakaran, saya rasa satu lagi sikap daripada dasar kita iaitu sikap kerajinan bekerja yang mana sikap ini pada umumnya memang terdapat di kalangan masyarakat Jepun dan masyarakat Korea. Jadi adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menerapkan sikap ini, bukan sahaja kepada pelajar-pelajar dan penuntut kita tetapi kepada masyarakat kampung kita. Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah Kerajaan sedang mengambil berbagai-bagai tindakan untuk menerapkan unsur kerajinan ini, bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar tetapi juga ke dalam masyarakat kita. Misalnya keputusan Kerajaan untuk mengenalkan "clock-in system" adalah merupakan satu bukti yang kita hendak mengenalkan dengan cara positif unsur kerajinan ini. Begitu juga kalau tak silap saya tema Musabaqah Membaca Al-Quran yang baru berlaku berasaskan "Kerajinan dan Disiplin" dan berbagai-bagai cara lagi menerusi TV dan Radio kita juga mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk menerapkan unsur kerajinan di kalangan masyarakat kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, apakah dasar pandang ke Timur negara kita ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi dasar luar negara kita. Jika benar, apakah dasar luar negara kita dan juga penggantungan dari segi ekonomi dan lain-lain negara kita ini akan condong ke arah negara-negara yang tersebut tadi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, dasar luar negara kita pada asasnya memang masih aktif dan bebas. Dasar pandang ke Timur adalah merupakan pandang ke Timur dalam berbagai aspek-aspek tertentu, tetapi ini akan mengikat kita dalam dasar-dasar luar negeri kita untuk membawa kebaikan yang sebanyak-banyaknya bagi kepentingan negara dan rakyat kita.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak menjawab keseluruhan soalan saya tadi. Maksud saya ialah sikap kerajinan bekerja ini kepada masyarakat desa ataupun masyarakat luar bandar kerana mereka ini di dalam dasar pandang ke Timur agak di kebelakangkan sedikit di dalam hal ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, saya maksudkan soalan Ahli Yang Berhormat tadi sama ada etika kerja ini sudahpun menurun ke kawasan luar bandar.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Ya, begitulah.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya rasa ikhtiar ini sedang pun dijalankan terus menerus dan saya rasa memanglah awal sangat untuk kita membuat sesuatu penentuan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (8hb Disember, 1982).

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, semalam saya sedang memberi ulasan tentang pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh beberapa orang wakil mengenai pindaan terhadap Akta Insurans, 1963 ini.

Saya sedang mengulas pandangan Wakil dari Sandakan mengenai cadangan beliau supaya sesuatu polisi itu dibuat hendaklah mudah difaham. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, perkara ini memanglah menjadi satu perkara yang sentiasa dikaji oleh pihak Bahagian Insurans di Kementerian, malah Pejabat Ketua Pangarah Insurans telah pun mengarahkan Persatuan Insurans Selangor Malaysia supaya mengkaji perkara ini dengan tujuan supaya polisi-polisi yang dikemukakan itu mudah difahami oleh mereka yang membeli polisi-polisi insurans ini.

Selain dari itu pihak Persatuan Insurans Nyawa Malaysia juga telah diarah supaya mewujudkan hubungan yang rapat dengan orang ramai sama ada dengan cara mengeluarkan maklumat-maklumat ataupun melalui ceramah-ceramah dan seminar-seminar dengan tujuan untuk memberi maklumat-maklumat yang berfaedah kepada orang ramai bersabit dengan perlindungan insurans yang diperolehi oleh mereka yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua, Wakil dari Mukah telah membangkitkan soal penyusunan semula industri insurans khususnya bagi syarikat-syarikat broker insurans. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam mengawasi penyusunan semula industri insurans termasuk sektor broker insurans, pihak Kerajaan sentiasa mengawasinya dari segi pemilikan ekuiti. Maka itu adalah menjadi panduan Kerajaan untuk menentukan yang penyusunan semula juga dilakukan dari segi pengurusan dengan mendapatkan bilangan pengurus yang terdiri dari warganegara kita sendiri dan ahli-ahlinya mengikut komposisi kaum di setiap peringkat.

Dari segi perniagaannya pula, ianya haruslah mencerminkan corak perniagaan yang benar-benar membayangkan hasrat negara kita. Misalnya, perniagaan insurans semula haruslah dilakukan di dalam negeri dahulu sebelum ditawarkan kepada syarikat-syarikat lain di pasaran asing.

Wakil dari Mukah juga telah menyebut tentang penyertaan warganegara asing di dalam bidang broker insurans. Di dalam hal ini penyertaan warganegara asing adalah dilakukan melalui penubuhan syarikat-syarikat usahasama dengan rakyat Malaysia. Penyertaan mereka pada kebiasaannya hanyalah setakat 30% di dalam syarikat usahasama yang saya nyatakan tadi dan adalah didapati penyertaan warganegara asing ini masih lagi diperlukan memandangkan bahawa warganegara Malaysia, warganegara kita, masih lagi tidak begitu mempunyai cukup kepakaran di dalam bidang broker insurans ini. Selain daripada itu pihak warganegara asing juga boleh membantu untuk mendapatkan perniagaan bagi kita bagi syarikat-syarikat broker kita di peringkat antarabangsa. Oleh kerana insurans adalah merupakan perniagaan yang

bersifat antarabangsa kebolehan untuk menandingi syarikat-syarikat dari luar negeri adalah satu perkara yang dianggap amat penting.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah juga telah menyebut tentang pembaharuan lesen broker, yang mana Yang Berhormat telah mencadangkan supaya pembaharuan-pembaharuan tahunan lesen broker yang ada sekarang ini dihapuskan. Pihak Kerajaan berpendapat bahawa pembaharuan tahunan lesen broeokr ini adalah masih lagi perlu kerana dengan adanya pembaharuan tahunan seperti yang ada sekarang, pihak Kerajaan akan dapat mengkaji kedudukan setiap broker yang dilesen dengan tujuan memastikan supaya hanya yang mempunyai prestasi yang baik sahaja dibenarkan terus menjalankan perniagaan mereka. Ertinya mereka yang tidak membuat prestasi yang baik lesen mereka mungkin tidak diperbaharukan. Ianya juga bertujuan untuk menentukan sektor insurans am dan sektor broker insurans pada keseluruhannya dapat menambah prestasi masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah juga telah menyentuh tentang broker-broker insurans tempatan yang terpaksa menandingi syarikat-syarikat broker asing di pasaran yang terbuka dan mengikuti beiau ini telah menyebabkan broker-broker insurans tempatan tidak dapat mengadakan kadar premium yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sekarang sedang membuat kajian semula bersabit dengan penempatan perlindungan insurans yang mempunyai risiko yang agak tinggi. Dengan adanya kajian semula ini kelak adalah diharapkan broker-broker tempatan akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi. Walau bagaimanapun, broker-broker tempatan hendaklah sentiasa

mengambil ingatan bahawa kemahiran mereka di dalam hal ini hendaklah diperbaiki oleh kerana hanya dengan kemahiran yang tinggi mereka dapat menandingi syarikat-syarikat broker dari negara-negara asing.

Ahli Yang Berhormat kemudiannya telah menyentuh tentang penubuhan Pejabat Cawangan Syarikat Broker Insurans di Sarawak yang mana beliau menyatakan syarikat tersebut harus mempunyai cawangannya di Kuala Lumpur, untuk mengembangkan perniagaan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana syarikat broker boleh membuka Pejabat Cawangan bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di mana-mana juga di dalam negara kita ini tanpa sebarang kelulusan terlebih awal daripada Ketua Pengarah Insurans. Hanya Syarikat Insurans sahaja yang diperlukan mendapat kelulusan Ketua Pengarah Insurans sebelum mereka berhajat untuk menubuhkan satu-satu Pejabat Cawangannya menurut Akta Insurans yang ada sekarang.

Tuan Yang Dipertua, itu sahajalah lebih kurang pandangan-pandangan yang telah diberi oleh tiga Wakil, maka dengan itu saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga mereka yang telah memberi ulasan-ulasan yang boleh dikatakan berfaedah terhadap Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) 1982 ini dan saya memberi jaminan bahawa perhatian yang sewajarnya di dalam mentadbirkan Akta Insurans ini akan diambil dan pandangan mereka itu akan sentiasa diambil perhatian di mana sesuai. Pihak Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap industri insurans dengan tujuan menentukan industri ini tumbuh dengan sempurna dan juga akan memainkan peranan yang berkesan bukan sahaja dalam memberi perlindungan insurans kepada orang ramai tetapi juga dalam pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Bersabit dengan perkara ini juga pihak Kerajaan akan menentukan bahawa industri insurans ini akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi untuk meningkatkan pendapatan "invisible" negara kita dengan menggalakkan lebih banyak lagi perniagaan insurans masuk ke dalam negara ini. Segala pindaan yang telah dibentangkan adalah bertujuan untuk mencapai segala hasrat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.48 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan suatu Akta

bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibaca bagi kali kedua sekarang. Sebelum saya mengulas mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap Akta ini, izinkan saya menerangkan tujuan pindaan ini dibuat.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah merupakan satu Akta yang memberi peruntukan-peruntukan menubuh, menyelenggara dan menadbirkan Universiti-universiti dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di negara kita. Akta yang tersebut adalah untuk menentukan bahawa semua universiti yang tertubuh di negara kita diasaskan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dan mempunyai corak dan identiti kebangsaan demi kepentingan negara. Peruntukan-peruntukan yang ada sekarang di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak membolehkan sesuatu projek yang berkonsep atau bercorak Universiti Antarabangsa yang dianjurkan bersama Kerajaan asing atau organisasi-organisasi antarabangsa dengan Kerajaan Malaysia menerusi satu perjanjian, treaty atau convention dilaksanakan. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi maka adalah dicadangkan bahawa satu peruntukan baru perlu diadakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Peruntukan baru ini hendaklah mengecualikan sesuatu institusi tinggi yang bertaraf universiti seperti Universiti Antarabangsa daripada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang ada sekarang.

Cadangan untuk meminda Seksyen 5 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah satu cadangan baru untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan projek-projek penubuhan universiti-universiti baru yang bercorak antarabangsa pada bila-bila masa.

Selaras dengan hasrat Kerajaan meninggikan syiar Islam dan sebagai menyambut keputusan yang dipersetujui oleh negara-negara Islam di dalam Persidangan "First World Conference on Muslim Education" di Mekah di dalam tahun 1976, Malaysia bercadang hendak menubuh sebuah Universiti Islam Antarabangsa di mana pengetahuan dan pelajaran boleh diberi mengikut falsafah dan konsep Islam dan ilmu pengetahuan dapat dipelajari dan diselidiki di dalam suasana Institusi yang berteraskan Islam. Di samping itu peluang pelajaran tinggi bagi anak-anak negara kita dapat diperluaskan lagi. Nilai-nilai Islam di dalam pendidikan dan pengetahuan dapat diamalkan dengan sepenuhnya. Persediaan awal seperti mengadakan "Blueprint" nya. Untuk menyarankan konsep, prinsip universiti ini sudah pun siap.

Tuan Yang Dipertua, Islam telah memberikan sumbangan yang banyak dalam berbagai ilmu pengetahuan. Bermula dari pengajaran Nabi Muhammad s.a.w. orang-orang Islam yang berilmu (Islamic Scholars) telah dapat mengembang dan menyebarkan ilmu pengetahuan termasuklah ilmu sains untuk menambahkan ilmu pengetahuan manusia sejagat. Tradisi inilah yang hendak dihidupkan semula di kalangan Umat Islam khususnya di kalangan orang-orang Islam yang terpelajar. Adalah diharapkan Universiti Islam Antarabangsa yang dicadangkan ini akan dapat memainkan peranan yang murni dan penting ini.

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini akan dapat memberi peluang pengajian tinggi yang lebih kepada pelajar-pelajar yang ingin menuntut di institusi pelajaran tinggi yang berorientasikan Islam. Adalah menjadi hasrat dan keazaman kita untuk menjadikan institusi ini sebagai sebuah universiti yang ternama di

dunia. Penubuhan universiti ini juga akan menjadi satu alternatif bagi pelajar-pelajar dari negara-negara Islam di seluruh dunia, terutama dari rantau Asia dan Afrika yang tidak mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti.

Tuan Yang Dipertua, melihat dari perkembangan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi hari ini, konsep-konsep yang wujud adalah tidak seiring dan kurang dengan apa yang seharusnya diamalkan oleh Umat Islam. Dengan tertubuhnya universiti ini kelak, penyelidikan dan pengkajian terhadap konsep-konsep dan teori-teori sains akan berlandaskan kepada prinsip-prinsip Islam. Usaha-usaha ini akan dilaksanakan oleh para kakitangan dan pelajar-pelajar universiti tersebut dan hasilnya kelak akan disebar dan diamalkan oleh masyarakat-masyarakat Islam di merata dunia. Proses ini akan memakan masa, tetapi Insya Allah akan menjadi satu realiti jika usahanya dimulakan ke arah tersebut. Dengan adanya projek ini ditubuhkan di Malaysia, negara kita akan menjadi pusat tumpuan kepada cerdik pandai Umat Islam, bahkan akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan tali persaudaraan di antara negara kita dengan negara-negara Islam di dunia.

Begitulah di antara tujuan-tujuan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini.

Tuan Yang Dipertua, Universiti ini bukanlah universiti pengajian Islam semata-mata. Ia meliputi pengajaran semua ilmu pengetahuan termasuklah ilmu-ilmu sains dan teknologi dalam berbagai disiplin tetapi berdasarkan kepada konsep-konsep, falsafah-falsafah dan perspektif Islam. Corak dan sifat keIslaman Universiti ini akan diserapkan dalam struktur akademik

dan kurikulumnya. Lulusan dari universiti ini kelak dalam melaksanakan tugas harian akan lebih sedar atas hubungan mereka dengan agama dan masyarakat Islam.

Tuan Yang Dipertua, adalah didapati bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti mempunyai beberapa peruntukan yang diadakan, khas untuk universiti-universiti tempatan. Universiti Islam Antarabangsa pula ditaja oleh negara-negara asing bersama negara kita dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari segi pengurusan, pengawasan, bahasa pengantar dan lain-lain. Untuk membolehkan universiti seperti ini ditubuhkan di negara kita, maka perlulah pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti seperti yang dicadangkan ini dibuat. Dengan peruntukan baru maka dapatlah kita menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa yang ditaja oleh negara-negara Islam bersama negara kita. Universiti yang ditaja ini boleh mempunyai ciri-ciri yang tersendiri sesuai dengan hasrat Universiti Islam yang bertaraf antarabangsa. Apa yang patut saya tegaskan berhubung dengan pindaan ini ialah Universiti tersebut hanya dapat diwujudkan menurut satu triti atau perjanjian atau konvensyen di antara Kerajaan Persekutuan dengan mana-mana negara asing atau organisasi-organisasi antarabangsa. Dengan peruntukan ini maka dapat kita mengadakan sebuah universiti yang ditaja bersama oleh negara Islam seperti yang dicadangkan itu. Di dalam hal ini saya sukacita menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa, sambutan dari negara-negara Islam tentang penubuhan Universiti ini sangat-sangat menggalakkan kita. Baru-baru ini saya dan rombongan telah membuat lawatan ke Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu. Ketiga-tiga negara yang kita lawati itu telah mengesahkan sokongan mereka yang penuh dan positif kepada

Kerajaan Malaysia dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia. Dengan adanya sokongan dari negara-negara Islam seperti ini, saya yakin bahawa penubuhan universiti ini akan memberi banyak menafaat kepada negara kita dan merapatkan lagi hubungan kita dengan dunia Islam keseluruhannya, dan insya Allah cita-cita kita akan tercapai.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menerangkan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti satu persatu mengenai seksyen-seksyen yang akan dipinda:

Clause 2

Seksyen 5: Mengikut sebutan sekarang Seksyen 5 berbunyi:

Tiada sesuatu yayasan pelajaran tinggi bertaraf universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang disebutkan "Akta Ibu" dalam Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Tiada" dengan perkataan "Tertakluk kepada Seksyen 5A, tiada".

Dengan itu sebutan yang dicadangkan kepada Seksyen 5 ialah:

Tertakluk kepada Seksyen 5A, tiada sesuatu yayasan pelajaran tinggi bertaraf universiti boleh ditubuhkan kecuali mengikut peruntukan Akta ini.

Clause 3: Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Seksyen 5, seksyen baru 5A yang berikut:

5A (1) Peruntukan-peruntukan Akta ini tidak terpakai bagi sesuatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang dibenarkan

ditubuhkan di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen (2).

- (2) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta, membenarkan penubuhan sesuatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti, apa jua nama atau stailnya, jika dia berpuas hati bahawa ianya akan ditubuhkan menurut sesuatu triti, perjanjian atau konvensyen di antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau menurut mana-mana perjanjian di antara Persekutuan dengan sesuatu organisasi antarabangsa.

Mengenai huraian ini, Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidak perlu saya baca kerana ada di muka surat 2, paragraf (1) dalam huraian Rang Undang-undang ini. Iaitu Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan-peruntukan untuk membolehkan sesuatu yayasan pelajaran tinggi bertaraf universiti ditubuhkan jika yayasan atau institusi itu dicadangkan di bawah anjuran menurut sesuatu triti, perjanjian atau konvensyen di antara Kerajaan Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau organisasi-organisasi antarabangsa.

Clause 4: Seksyen 15 (1). (1) Paragraf (1) subseksyen (1) seksyen 15 Jadual kepada Akta Ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan "Peguamcara" perkataan-perkataan "Peguam Negara atau jika Peguam Negara adalah seorang anggota Parlimen atau dilantik selainnya daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan".

Huraian: Rang Undang-undang ini juga bertujuan supaya Peguam Negara, jika dia dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, menjadi anggota Majlis Universiti dan Kolej Universiti dan bukannya Peguamcara atau wakilnya yang hanya akan menjadi anggota sekiranya Peguam Negara adalah seorang anggota Parlimen atau dilantik selainnya daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Iaitu untuk menggantikan keahlian dalam majlis-majlis universiti bagi Peguamcara Negara kepada Peguam Negara atau wakilnya sebagai Ketua Jabatan Peguam Negara setelah jawatan Peguam Negara dipegang oleh pegawai daripada perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Clause 4: (2) Seksyen 30 Jadual dalam teks bahasa Inggeris Akta Ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "within one month after the same shall have been made or done".

Huraian: Ini bertujuan untuk meminda Jadual teks bahasa Inggeris supaya selaras dengan teks Bahasa Malaysia di mana tempoh untukewartakan mana-mana Statut atau Akta yang baru atau pindaan atau pembatalannya tidak dinyatakan.

Iaitu untuk menyelaraskan teks dalam Bahasa Inggeris dengan teks dalam Bahasa Malaysia kepada Seksyen 30 (1) Jadual kepada Akta itu.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menegaskan sekali lagi bahawa dengan pindaan Seksyen 5 yang dicadangkan maka dapatlah Universiti Islam Antarabangsa ini ditubuhkan sebagai satu yayasan pelajaran tinggi yang tidak terikat dengan Akta ini dan membolehkan ia berjalan mengikut asas dan prinsip-prinsip yang tertentu sesuai sebagai sebuah Universiti Islam Antarabangsa yang dipunyai oleh

ummah Islam seluruh dunia dan ditaja bersama melalui satu triti atau perjanjian oleh negara-negara Islam.

Adalah diharapkan dengan penubuhan universiti ini maka dapatlah kita melangkah setapak lagi ke hadapan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha kita memperkembangkan perpaduan Islam seluruh dunia khususnya di rantau ini dan kita berharap satu perubahan positif dalam pengintegrasian nilai-nilai dan falsafah Islam terhadap ilmu pengetahuan di samping itu dapatlah juga kita menambahkan peluang kepada anak-anak muda kita mendapat pelajaran tinggi.

Oleh itu, saya sekali lagi memohon sokongan yang sepenuhnya dari Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.05 ptg.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha (Batu Pahat): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan 2M kerana di dalam masa yang begitu singkat pemerintahannya tidak payah menunggu berpuluh-puluh tahun telah berjaya mewujudkan dua projek yang berunsurkan Islam iaitu projek Bank Islam dan kini projek Universiti Islam pula. Dalam hal ini saya juga mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah khasnya kepada Kabinet dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan

kepada setiap mereka yang terlibat untuk menjayakan tujuan murni Kerajaan ini.

Projek Universiti Islam ini menunjukkan kejujuran, keazaman dan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk benar-benar menerapkan unsur-unsur Islam di dalam pentadbiran negara ini dan bukan berjanji kosong atau berjanji dalam pilihanraya sahaja. Kerajaan Barisan Nasional tidak hanya bercakap dan berjanji tetapi mengotakannya. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini ialah bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan iaitu Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Kepada mereka yang bukan Islam mereka tidak perlu bimbang dan jangan pula menyalah tafsirkan hasrat Kerajaan ini hendak memaksa atau mengislamkan orang-orang bukan Islam. Apa yang dilakukan ialah menerapkan unsur-unsur Islam yang sudah tentu tinggi dari segi moral, unsur-unsur yang baik lagi terpuji yang juga disarankan dan diperakui oleh tiap-tiap agama yang juga menyeru kepada kebaikan. Pendek kata hakikat apa yang hendak dipraktikkan oleh Kerajaan ialah supaya rakyat negara ini ialah berhemat tinggi, tinggi dari segi moral serta kuat dengan disiplinnya dan justeru itu akan bertambah mutu perkhidmatan mereka dan prioriti mereka disebabkan oleh prinsip-prinsip hidup mereka yang bermaruah, bermoral dan tinggi berlandaskan dari kehendak-kehendak agama Islam yang suci dan tentunya pula mereka mempunyai sifat-sifat yang terpuji seperti amanah, cekap dan bersih, jujur dan taat kepada pemerintah dan kepada pekerjaan mereka. Tentunya sifat-sifat yang saya sebutkan tadi bukan sahaja dituntut oleh agama Islam tetapi juga oleh agama lain dan setiap orang yang berakal yang mahukan keamanan dan keharmonian hidup. Tentunya tidak ada sama ada Islam atau bukan Islam

yang siuman yang tidak suka kepada sifat-sifat yang mulia itu. Oleh yang demikian, tidaklah bersalah dan bertentangan apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menjayakan kedua-dua projek ini. Bahkan orang-orang bukan Islam akan boleh terus menikmati dan melibatkan diri mereka di dalam kedua-dua projek tersebut. Mereka boleh menggunakan Bank Islam, bekerja dalam Bank Islam samalah juga adanya dengan Universiti Islam, mereka boleh memasuki dan belajar dan boleh juga mengajar dan bekerja di Universiti tersebut. Mereka boleh menggunakan dan mendapat menafaat dan hasil kajian-kajian yang dibuat oleh Universiti Islam ini.

Di samping itu mereka juga boleh mengambil graduate-graduate dari universiti ini untuk bekerja dengan mereka yang tentunya mereka boleh berpuas hati. Memandangkan graduate ini adalah terdiri dari mereka yang mempunyai prinsip-prinsip hidup yang suci, moral yang tinggi di samping pegangan agama yang kuat berdasarkan kepada latarbelakang mereka yang dididik di Universiti Islam ini, tentunya mereka akan mempunyai sifat-sifat yang terpuji dan lebih produktif. Keseluruhannya sifat-sifat ini ialah sifat-sifat yang dicari di dalam tiap-tiap pekerja oleh tiap-tiap majikan dan "boss" di dalam apa-apa perkhidmatan pun.

Penubuhan Universiti Islam ini telah dikaji dengan mendalam dan terperinci dan dikaji oleh ahli-ahli fikir, ulamak-ulamak dan sarjana-sarjana Islam antarabangsa yang sebenar-benar boleh diperakui sebagai ulamak dan bukan terdiri dari mereka yang mengakui diri mereka sangat ulamak walhal mereka belum boleh lagi diiktiraf dan diakui sebagai ulamak disebabkan kekurangan ilmu dan amalan mereka. Dengan tertubuhnya Universiti ini kelak akan lebih terkenal lagi negara kita bukan sahaja di merata dunia Islam bahkan

ke seluruhan dunia. Kalau dahulu Malaysia terkenal dengan Musabaqah Membaca Al-Quran, kini Malaysia akan terkenal pula dengan Bank Islamnya, dan Universiti Islamnya. Sejarah dan anak cucu kita akan menyanjung kita kerana berjaya melaksanakan kedua-dua projek ini. Kita semua patut merasa bertuah kerana telah bersama-sama terlibat dengan amal jariah ini, amal agung yang tentunya mendapat keredaan Allah s.w.t.

Kalau dahulu dunia hanya mengenal Universiti Al-Azhar di Mesir, maka pada satu masa kelak Universiti Islam Malaysia akan juga terkenal jika tidak lebih terkenal. Saya mempunyai keyakinan ini memandangkan penglibatan Kerajaan kita yang begitu committed dan total untuk menjayakan projek ini. Dengan adanya Universiti ini akan bertambah lagi satu jambatan untuk menyambung tali silatullah di antara umat Islam dan di antara Kerajaan-kerajaan Islam di dunia ini. Universiti ini kelak akan boleh bertukar-tukar pensyarah-pensyarah, penuntut-penuntut, bertukar-tukar pendapat, hasil-hasil kajian serta ilmu-ilmu yang dialami dan diperolehi dengan universiti-universiti di dalam dan luar negeri. Kita berharap dengan adanya permulaan jambatan ini akan bertambah pula tempat forum perbahasan, titik pertemuan dan penyelesaian segala masalah sepertimana yang dikehendaki oleh Allah, menyelesaikan segala perkara melalui musyawarah dan perbahasan yang penuh silatullah.

Manusia hendaklah sentiasa berpegang dengan tali Allah. Pada masa ini umat Islam sedang menghadapi perpecahan pergaduhan dan peperangan sesama sendiri semata-mata kerana tidak menghayati Islam dengan sepenuh-penuhnya sebagaimana yang dituntut iaitu Islam sebagai ad'din, perpecahan ini bukan sahaja berlaku di negara Islam lain bahkan bunga-bunga perpecahannya

sedang mula berlaku di negara ini disebabkan oleh angkara dari mereka yang kurang bertanggungjawab dari setengah-tengah pihak. Oleh itu diharapkan dengan penubuhan Bank Islam. Universiti Islam dan lain-lain langkah Kerajaan yang positif mengagungkan Islam yang akan mendapat sokongan semua orang-orang bukan Islam di negara ini dan bukannya mengambil kepentingan politik dengan menidak-nidakkan segala rancangan baik Kerajaan kita hari ini. Semoga Bank Islam dan Universiti Islam akan menjadi asas penyatuan umat Islam di negara ini, insya-Allah.

Di dalam pembentukan Universiti ini hendaklah difikirkan supaya Fakulti Pengajaran Al-Quran diadakan supaya kajian yang mendalam dan meluas di dalam isi kandungan Al-Quran ini boleh dipelajari demi kepentingan seluruh masyarakat. Adalah tidak cukup mempelajari Al-Quran dengan secara yang tersurat sahaja tetapi hendaklah kita menghalusi dan mempelajari apa yang tersirat di dalamnya.

Memang telah diketahui umum Al-Quran adalah kitab yang paling banyak dipelajari dan dikaji oleh semua orang baik Islam mahupun bukan Islam kerana Al-Quran mengandungi pengajaran yang cukup complete yang meliputi semua bidang kehidupan yang sentiasa sesuai untuk dijadikan pedoman hidup manusia pada setiap masa dan zaman. Hanya dengan pelajaran yang mendalam daripada Al-Quran barulah pelaksanaan akidah Islamiah boleh dilaksanakan dengan sempurna dan betul dan seterusnya berjaya untuk melaksanakan cita-cita Kerajaan untuk menerapkan unsur Islam di dalam pemerintahan negara ini.

Pada hemat saya orientalist Barat adalah lebih banyak daripada orang-orang Islam di dalam menyelami dan

mendalami isi Al-Quran. Oleh itu, sudah sampailah masanya kita menginsafi kelemahan ini dan memulakan pengajiannya dengan secara positif, committed dan total. Saya mencadangkan fakulti ini menggunakan kemudahan komputer untuk menyelidiki dan mempelajari isi dan kandungan Al-Quran yang mulia itu.

Selain dari fakulti yang saya sebutkan tadi, Universiti ini hendaklah juga mengadakan fakulti-fakulti yang boleh membantu menyelesaikan masalah dan kehendak negara seperti Fakulti Perubatan, Perdagangan, Banking Islam, selain dari falsafah Islam supaya apabila mereka yang telah lulus dan mendapat ijazah akan berkhidmat kepada negara dengan berlatarbelakangkan ilmu pengetahuan Islam serta mempunyai falsafah hidup secara Islam dan tentulah menjadikan mereka ini graduate yang mempunyai sifat-sifat takwa, sifat takut kepada hukum Allah, takut kepada diri sendiri dan seterusnya mempunyai adab sopan dan kelakuan serta sifat peribadi yang bersesuaian dengan Islam dan diterima oleh keseluruhan masyarakat baik Islam mahupun bukan Islam. Dengan ini kemungkinan perasaan materialistic yang mula menyelubungi sebahagian penduduk negara ini iaitu perasaan yang sungguh merbahaya di dalam negara membangun seperti negara Malaysia ini dapat dikurangkan sekiranya tidak sama sekali dihapuskan.

Perlaksanaan Hospital Islam dan Pajak Gadai Islam hendaklah segera dipelopori dengan seberapa cepat yang mungkin menyusuli projek Bank Islam dan Universiti Islam ini. Memandangkan graduate-graduate yang akan ada dengan tertubuhnya Universiti Islam kelak untuk berkhidmat dengan Bank Islam, Hospital Islam dan Pajak Gadai Islam di samping Universiti Islam itu sendiri dan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Di dalam penyediaan universiti ini hendak ditentukan supaya sekolah-sekolah menengah negara kita ini bersedia mengeluarkan penuntut-penuntut yang layak, mampu dan berkebolehan untuk memasuki universiti ini kelak kerana sekiranya tidak, besar kemungkinan universiti ini akan lebih memberi faedah dan keuntungan kepada penuntut luar negeri daripada penuntut negara ini sendiri. Kita tidak mahu peribahasa Melayu yang berbunyi: Kera di hutan disusui, anak di kendung mati kelaparan.

Selain dari itu hendaklah juga ditentukan supaya kelulusan dari universiti ini akan mendapat pengiktirafan luar dan dalam negeri. Justru itu hendaklah Kerajaan menentukan supaya universiti ini mencapai, dengan izin, standard academic yang tinggi demi untuk menjamin masa depan graduate-graduate universiti itu kelak.

Selain dari itu universiti ini boleh berganding bahu dengan universiti-universiti lain di negara ini dan juga universiti-universiti luar negeri untuk menentukan maksud yang telah saya sebutkan tadi.

Perlulah diingat pelajaran sekular dan Islam perlu berganding bahu kerana sebagaimana yang diketahui kehidupan di dunia adalah untuk akhirat. Sekiranya kita pandai menjalaninya maka berbahagialah kita di dunia dan di akhirat. Apa yang kita lakukan di dunia selain daripada beribadat khasnya ala-sekular seperti mencari makan, menaiki kenderaan, berlindung di dalam rumah yang dibuat manusia adalah sekular. Tetapi sekiranya kita meniatkan mencari makan sebagai nafkah yang wajib, naik kenderaan itu dengan niat yang suci untuk membuat kebaikan nescaya perbuatan sekular itu akan menjadi ibadat dan mendapat ganjaran dan keredaan Allah dan tentulah mendapat pahala yang besar. Dengan

ini dua jalan akhirat yang saya sebut tadi inipun tercapai.

Dengan adanya universiti ini kelak akan ada titik pertemuan di antara para intelek sekular dengan para intelek Islam. Mereka akan sentiasa dapat berbincang dan segala salah faham bolehlah dibincang dan dibahas dan diselesaikan melalui jambatan ini ialah Universiti Islam yang akan kita bentuk tidak lama lagi.

Molek kita menyingkap sejenak pada sejarah di masa Kerajaan Islam di zaman Abbasiyah dahulu. Kejayaan mereka itu ialah kerana ahli-ahli pendidik, cerdik pandai dan ahli ilmu telah pun membuat perancangan yang wajar di antara pelajaran agama dengan ilmu umum dan ini menjadikan pembangunan dan kejayaan negara Islam itu begitu menonjol dan pesat serta maju. Kejatuhan Kerajaan Islam itu ialah disebabkan sifat lupa daratan pemimpin-pemimpin di masa itu yang melanggar undang-undang dan hukum-hukum Allah. Orang-orang Barat begitu cemburu dan takut dengan kejayaan Kerajaan Abbasiyah itu. Mereka ini mempelajari, menyelidiki akan kejayaan orang-orang Islam itu serta mempelajari sebab-sebab kejatuhan dan keruntuhan Kerajaan Islam tersebut. Kini keadaan telah terbalik, negara-negara Barat telah maju jauh ke depan sedang negara Islam terhimpit dan mundur jauh ke belakang. Semoga dengan munculnya Universiti Islam ini kelak akan muncul intelek Islam yang boleh mengharumkan nama negara kita ini dan seterusnya membawa negara ini mencapai kejayaan dan mengulangi keagungan Kerajaan zaman Abbasiyah dahulu, insya Allah. Penubuhan Universiti Islam ini bersesuaian dengan Firman Allah surah Al-Baqarah ayat 260 yang bermaksud: Allah memberi pengetahuan kepada siapa yang dikehendaki dan siapa

berpengetahuan ia mendapat kebaikan yang banyak dengan pengetahuannya.

Akhir kata, Tuan Yang Dipertua, memandangkan jasa yang begitu besar kepada negara daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam mewujudkan Bank Islam dan Universiti Islam, sukalah saya mencadangkan supaya nama beliau akan sentiasa diingat oleh anak cucu kita di belakang hari dan tidak hilang ditelan zaman dan dengan itu saya sukacitanya mencadangkan nama Universiti Islam ini dikenalkan sebagai Mahathir International Islamic University of Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang dibentangkan ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1982 supaya ia dapat menggariskan jalan ke arah penubuhan Universiti Islam dengan mengadakan peruntukan supaya peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1981 tidak akan tercapai bagi mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang ditubuhkan menurut mana-mana triti, perjanjian atau konvensyen di antara Malaysia dengan mana-mana negara lain atau sesuatu organisasi antarabangsa.

Saya difahamkan Universiti Islam yang akan ditempatkan di Bukit Frazer akan menggunakan bahasa Inggeris dan Arab sebagai bahasa pengantar sementara Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa pentadbiran.

Pindaan ini yang bertujuan untuk mengecualikan Universiti Islam daripada peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah bahasa Cina sebagai salah satu bahasa pengantar dalam Universiti Merdeka yang dicadangkan itu akan bermakna bahasa Cina digunakan untuk tujuan rasmi.

Solusi ini adalah sangat simple, iaitu mengecualikan sama sekali Universiti Merdeka yang dicadangkan itu daripada bidangkuasa dan kelolaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Disebabkan Kerajaan sendiri telah menetapkan satu precedent dengan menunjukkan bahawa universiti-universiti, di negara ini boleh dikecualikan daripada bidangkuasa Akta Universiti, 1971 menerusi cadangannya supaya Universiti Islam dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, maka Universiti Merdeka yang dicadangkan itu dan juga lain-lain universiti swasta yang dibiayai penuh oleh sektor swasta hendaklah juga dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Universiti. Atas sebab inilah saya telah memberi pemberitahu bahawa saya akan mencadangkan satu pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Universiti semasa peringkat Jawatankuasa supaya universiti-universiti swasta yang dibiayai penuh oleh sektor swasta dikecualikan juga daripada peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Saya berharap bahawa cadangan tersebut akan mendapat sokongan semua Ahli Parlimen tanpa mengira partai yang menyokong konsep Universiti Merdeka dan juga prinsip mengadakan universiti-universiti swasta di negara ini. Saya berharap Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada Gerakan terutama sekali Ahli Parlimen kawasan Tanjong

akan menyokong pindaan yang saya cadangkan itu kerana semasa pilihanraya umum April lalu, Parti Gerakan telah mengisytiharkan bahawa ia menerima dasar Persatuan Lembaga-lembaga Sekolah-sekolah dan Guru-guru Sekolah Cina sebagai sebahagian daripada program politik Parti Gerakan yang mana dasar tersebut termasuk penubuhan Universiti Merdeka.

Menteri-menteri dan Ahli Parlimen khasnya daripada Parti Gerakan telah berkata begitu banyak tentang perjuangan tiga dalam satu atau perlu kerana Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoritinya dalam kes Universiti Merdeka telah memutuskan bahawa sesebuah universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) adalah sebuah "public authority" dan bahawa menurut Perkara 152 (a) Perlembagaan Malaysia seseorang boleh dilarang atau dicegah daripada menggunakan lain-lain bahasa untuk tujuan rasmi dan bahawa tujuan rasmi bermakna apa-apa juga tujuan Kerajaan sama ada Persekutuan atau Negeri termasuk tujuan public authority.

Tuan Yang Dipertua, dengan mengecualikan Universiti Islam daripada peruntukan Akta Universiti, Universiti Islam apabila ditubuhkan tidak akan menjadi sebuah public authority dan penggunaan bahasa Inggeris dan Arab sebagai bahasa pengantar tidak akan bermakna bahasa-bahasa tersebut digunakan untuk tujuan ramai.

Kami dalam DAP tidak menentang penubuhan Universiti Islam tetapi kami berasa sesungguhnya bahawa masanya telah sampai supaya Akta Universiti dikaji semula dengan lebih mendalam supaya memastikan Akta Universiti tidak menyekat atau menghadkan keluasan peluang-peluang pelajaran tinggi di negara ini

untuk memenuhi permintaan besar pelajar-pelajar kita untuk mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan.

Akta Univerasiti hendaklah dipinda bukan sahajaa untuk mengecualikan universiti-universiti yang ditubuhkan menurut mana-mana triti, penjanjian atau konvensyen di antara Malaysia dengan mana-mana negara lain atau organisasi antarabangsa daripada peruntukan-peruntukan Akta Universiti tetapi juga universiti-universiti swasta yang dibiayai penuh.

Dalam kes Universiti Merdeka, Mahkaman Tinggi dan juga Mahkamah Persekutuan dalam keputusan meajoritinya memutuskan bahawa sekiranya Universiti Merdeka ditubuhkan, universiti tersebut akan menjadi sebuah public authority kerana ianya akan ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan penggunaan kumpulan tiga kuasa menjadi satu kuasa untuk berjuang untuk aspirasi-aspirasi sah rakyat Malaysia keturunan Cina yang mahukan Pelajaran Cina mempunyai satu sistem pelajaran yang menyeluruh dari peringkat rendah ke menengah sehingga ke universiti. Biarlah Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen Gerakan khasnya Ahli dari Tanjong membuktikan di sini sama ada ia sedia berdiri di Parlimen dan menunjukkan semangat tiga dalam satunya itu serta juga komitmennya terhadap idea dan cadangan Universiti Merdeka.

Tuan Yang Dipertua, pindaan saya bukanlah terhad semata-mata kepada cadangan Universiti Merdeka itu. Pindaan saya bertujuan untuk membenarkan penubuhan bebas universiti-universiti swasta termasuk Universiti Merdeka yang dicadangkan itu.

Akibat dasar restriktif Kerajaan mengenai peluang-peluang yang adil dan saksama bagi pelajar-pelajar kita

di universiti-universiti tempatan terdapat keperluan yang mendesak supaya peluang-peluang pelajaran tinggi bagi pelajar-pelajar kita diperluaskan. Untuk sesi akademik 1982/1983 kelima-lima universiti tempatan adalah mengambil hanya 6,127 orang pelajar yang terdiri daripada:

Bumiputera	3,575	(58.3%)
Cina	2,004	(32.4%)
India	486	(7.9%)
Lain-lain	62	(1%)

Walaupun Kerajaan sedang bercakap tentang kemungkinan menubuhkan universiti keenam, nampaknya tidak ada sebarang keseriusan dalam perkara ini. Malahan seawal-awal 9hb November, 1979 ketika menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan ke atas Belanjawan Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu, Ahli Yang Berhormat dari Bentong telah mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan universiti keenam di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Gambaran yang saya dapati dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat dari Raub semasa soal jawab dalam mesyuarat Belanjawan ini ialah bahawa Kementerian Pajaran masih tidak mula mengkaji dengan seriusnya soal penubuhan universiti keenam. Ini bukanlah satu petanda baik bagi sebuah pentadbiran yang mempunyai sebagai mottonya cogankata cekap dan komputer.

Sebagai misalnya, hanya pada minggu lepas, akhbar *The New Straits Times* telah melaporkan tentang beratus-ratus pelajar-pelajar kita yang telah pergi ke Britain dengan harapan mereka akan dapat perolehi pelajaran yang lebih tinggi di kolej-kolej swasta telah mendapati bahawa mereka diberi

dengan izin, a shabby deal, premis beberapa kolej tersebut didapati kurang taraf atau Sub-standard dan ada beberapa pelajar yang diberi ijazah palsu. Beberapa orang pelajar-pelajar kita telah meninggalkan kolej-kolej tersebut dengan merasa keciwa dan telah pun pulang ke tanahair mereka walaupun ini bermakna mereka akan kehilangan begitu banyak wang yang lain telah memasuki institusi-institusi pelajaran di Kanada dan negara-negara lain.

Pada bulan Oktober lalu satu insiden telah berlaku apabila sekumpulan pelajar dari Malaysia sampai di London untuk mengikuti kursus komputer di Pure and Applied Computer School. Setiap pelajar telah membayar sebanyak \$5,200 hingga \$6,400 untuk kursus selama setahun itu. Pelajar-pelajar berkenaan diberitahu bahawa sekolah tersebut telah wujud selama 3 tahun—padahal sekolah tersebut ditubuhkan hanya ketika pelajar-pelajar berkenaan sampai di Britain. Sekolah tersebut juga mengalami kerumitan kewangan dan perkhidmatan dan ramai gurugurunya telah pun digantung. Sekolah tersebut juga tidak dibuka semula.

Tuan Yang Dipertua, bahawa Malaysia memerlukan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta untuk memenuhi permintaan besar rakyat untuk mendapat peluang pelajaran tinggi, bantuan dalam program pelajaran universiti Kerajaan serta menyelamatkan pelajar-pelajar kita daripada ditipu oleh dengan izin "unscrupulous education racketeers" di luar negeri dan kehausan pelajar-pelajar kita untuk menerima pelajaran tinggi tidak perlu dihujah-hujahkan.

Sekiranya kos purata tahunan setiap pelajar ialah sebanyak \$12,000, ini bermakna 50,000 pelajar-pelajar kita yang berada di seberang laut sedang membelanjakan lebih kurang \$600 juta setiap tahun. Jumlah perbelanjaan untuk menyelenggarakan kelima-lima

universiti tempatan tahun ini adalah dalam lingkungan lebih kurang \$400 juta. Ini bermakna wang sebanyak \$600 juta yang dibelanjakan oleh 50,000 pelajar-pelajar kita di seberang laut boleh menampung dengan mudahnya penyelenggaraan lima lagi universiti tempatan baikpun universiti-universiti Kerajaan atau swasta.

Kerajaan 2M mahukan rakyat "Pandang ke Jepun". Di Negeri Jepun, terdapat lebih kurang 300 buah universiti dan 80% daripadanya adalah universiti-universiti swasta yang mempunyai sejumlah 2 juta orang pelajar. Membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta di Malaysia akan bermakna kita mencontohi tradisi pelajaran universiti orang Jepun.

Saya berharap pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Menteri-menteri dan termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehlah menjadi lebih "enlightened enough" akan isu pelajaran universiti swasta di Malaysia dan berhenti dari melayani isu tersebut sebagai "political football". Dengan menyokong cadangan DAP supaya universiti-universiti swasta dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya membolehkan universiti-universiti tersebut ditubuhkan tanpa diperjeniskan sebagai "public authorities". negara kita akan dapat mewujudkan dengan lebih berkesan keharmonian, paduan dan cohesion nasional.

Tuan Yang Dipertua, saya kesal bahawa ketika membentangkan pindaan-pindaan ini kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak menggunakan peluang ini untuk membentangkan pindaan-pindaan untuk memansuhkan klausa-klausa dalam Akta tersebut yang menyekat kebebasan otonomi universiti serta juga menjadikan universiti-universiti kita sebagai Jabatan-jabatan Kerajaan.

Seperti dikatakan oleh Universiti of Malaya Guild of Graduates pada bulan Disember yang lalu, sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas kegiatan para pelajar dan kakitangan akademik telah mengikis dengan seriusnya kualiti hidup di kampus kita. Setakat ini universiti tersebut tidak boleh dianggap sebagai universiti.

Pindaan-pindaan kepada Akta Universiti 1971 yang mencekek kebebasan bersuara di kampus telah dibuat dalam tahun 1975, selepas berlakunya tunjuk perasaan pelajar-pelajar baikpun dalam negeri atau di luar negeri disebabkan peristiwa Baling dan lain-lain isu sosio-ekonomi.

Seksyen 15 Akta Universiti melarang seorang mahasiswa atau organisasi, badan atau mempunyai pertalian dengan mana-mana organisasi, persatuan partai politik, kesatuan sekerja ataupun kumpulan orang sekalipun kecuali diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti atau diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana pelajar, organisasi pelajar, badan atau kumpulan orang untuk mengutip atau cuba menggalakkan apa-apa juga kutipan atau membuat sebarang rayuan secara lisan atau bertulis atau dengan cara lain atau cuba membuat sebarang rayuan untuk mendapatkan wang atau harta.

Seksyen 16 memberi kuasa kepada Naib Canselor untuk menggantung atau membubarkan mana-mana badan atau organisasi pelajar yang beliau anggap adalah memudaratkan kepentingan atau "well-being university", pelajar-pelajar, kakitangan, ketenteraman awam dan keselamatan.

Pindaan-pindaan yang dibuat dalam tahun 1975 kepada Akta Universiti bukan sahaja memperuntukkan bahawa Kerajaan berhak melantik Canselor, tetapi juga Naib Canselor

dan bukan lagi dipilih oleh berbagai-bagai fakulti berkenaan seperti berlaku sebelum pindaan tersebut dibuat.

Kesan keseluruhannya dan bersatu peruntukan-peruntukan Akta Universiti ini ialah untuk membantut otonomi dan kebebasan ilmiah universiti-universiti kerana bukan sahaja mahasiswa-mahasiswa disekat pertumbuhan semula jadi mereka, dari menjadi ahli-ahli masyarakat yang berfikir, menyoal dan mengkritik dengan menyediakan mereka menjadi pemimpin masa depan, tetapi kakitangan akademik juga telah diturunkan taraf mereka sehingga menjadi pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai tugas untuk mengeluarkan graduan-graduan universiti seolah-olah mereka itu adalah kilang-kilang yang cuma memenuhi quota pengeluaran tanpa menghitungkan erti dan tujuan yang lebih mendalam mengenai pelajaran universiti.

Tiadalah hairan universiti-universiti kita telah hilang cerdik pandainya yang bijak sekali kerana syarat-syarat universiti kita membantutkan (stultify) inquiry dan pertumbuhan-pertumbuhan keintelektualan. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya memansuhkan Seksyen 15 dan Seksyen 16 Akta Universiti supaya mengembalikan kepada para mahasiswa kebebasan penuh untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mereka dan juga mengembalikan otonomi universiti dan kebebasan ilmiah para kakitangan akademik universiti agar mereka bebas untuk menggalakkan kebangkitan keintelektualan atau intellectual awaking and flowering di kampus-kampus kita, supaya mereka dapat mencari kebenaran yang lebih tanpa disekat oleh dengan izin, political dictates Kerajaan yang memerintah.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.40 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Yang Dipertua, bismillahirrahmanirrahim. Saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekejap tadi dan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tidak termasuk apa yang diminta oleh wakil dari Kota Melaka kerana pada pendapat Menteri pada fikiran saya itu adalah, dengan izin, waste of time semata-mata.

Tuan Yang Dipertua, syabas dan bersyukur

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, apa itu "waste of time"?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, sebutkan Tertib Mesyuarat—Standing Order!

Tuan Lim Kit Siang: 36—seseorang ahli tidak boleh impute improper motives, bahawa saya waste of time. Itu bukan waste of time, itu hak kita supaya time digunakan dengan baik. 36—impute improper motives dan menggunakan bahasa yang biadap—offensive and insulting language.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu too far-fetched.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, "waste of time" bukannya offensive.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda tidak salah kepada Peraturan Mesyuarat yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Mana ada "impute improper motives"?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, saya di sini "waste of time"—impute improper motives, bahawa saya buat satu yang tidak baik.

Timbalan Yang Dipertua: Tidak, Yang Berhormat, sila sambung.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, Ketua Pembangkang memang dibayar \$2,000 untuk membangkang macam itulah tadi (*Ketawa*). Kita ucap syabas kerana tugas dia menjalankan tugas membangkang semata-mata (*Ketawa*).

Syabas dan bersyukur kepada Allah subhanahu wa taala

Tuan Lim Kit Siang: Lagi point of order 36. Lagi impute improper motives bahawa saya bantah semata-mata untuk bantah—tidak. Dia sokong semata-mata untuk sokong, tak tahu pun sokong (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, saya belum cakap lagi macam mana dia tahu apa yang saya cakap ini betul atau tak betul (*Ketawa*). Itulah kata memang Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Masa dahulu ada undi lulus perkara tak tahu apa dalam kertas Order Paper.

Timbalan Yang Dipertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, itu bukan mengikut peraturan, kita bincang masalah Akta ini, hak dahulu habislah, Wakil Rakyat itu sudah tak ada, ini Wakil Rakyat baru.

Tuan Yang Dipertua, syabas dan bersyukur kepada Allah subhanahu wa taala kerana mendorong Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan 2M yang bersikap bersih, cekap dan amanah hendak menubuh atau berjaya menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa, penubuhan sebuah Universiti Islam di Asia ini. Ini jelas sekali dan bukti yang nyata Malaysia berkembang mengembangkan syiar Islam dan itu difikir dan dirangkakan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional

yang ada sekarang. Jelas sekali penubuhan sebuah Universiti Islam dalam Tenggara Asia di Malaysia ini dapat dilaksanakan dari usaha-usaha tokoh politik Barisan Nasional, tidak lain dan tidak bukan ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri yang semua rakyat kasihi. Mungkin penyokong-penyokong DAP dan PAS sahaja tidak berkenan dengan Perdana Menteri yang semua keluarga Barisan Nasional kasihi dan sayang kepadanya selama ini.

Pada tahun 1976 kalau tak silap saya semasa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Setiausaha Agong Pertubuhan Perbadanan Islam Sedunia di Lahore, Pakistan, satu keputusan dibuat dalam persidangan Islam untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi di kawasan Benua Afrika. Pada masa itu telah timbul satu soalan sama ada projek seumpama itu akan turut ditubuhkan di rantau negara-negara Asia Tenggara. Ketika itu tidak ada siapa atau manamana negara pun yang berani tampil ke depan untuk mengasaskan usaha tersebut. Sehingga 6 tahun kemudian, iaitu pada tahun ini sahaja bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir sempat membuat keputusan mengenainya selepas melawat ke Timur Tengah pada awal tahun 1982 ini, selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan bersih, cekap dan amanah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan corak hidup rakyat Malaysia dua usaha terpenting yang turut digegaskan, iaitu penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan penubuhan Bank Islam yang telah dibawa ke dalam Dewan ini pada penggal ini. Ini jelas sekali Malaysia di bawah pimpinan 2M, termasuk Menteri-menteri Kabinetnya sedang mengembangkan syiar dalam semenjak dahulu lagi dan menjadi pemimpin Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional yang mana saya

percaya pemimpin-pemimpin seperti PAS tidak layak berbuat demikian disebabkan mereka berpecah sesama sendiri, mereka yang beraliran Iran cuba mengkrisis dan meyingkir Bapa PAS yang banyak

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang Dipertua: Beri atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tak beri kerana masa saya, saya agak ada 6 helai saya hendak bercakap.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tak usah campur rumahtangga orang.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Bukan campur, Tuan Yang Dipertua, itu saya hendak bercakap, saya kata pemimpin

Timbalan Yang Dipertua: Kalau tak beri, tak payah beri penjelasan teruskan!

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Bapa PAS yang banyak berjasa kepada parti PAS dan kepada mereka sendiri. Ada pemimpin mereka pernah menjadi Duta Malaysia di Iran, ada pemimpin yang pernah duduk di dalam Dewan ini sekarang ini jadi bekas Yang Berhormat dan Ketua Penerangan PAS sekarang. Ada bekas Pensyarah Universiti Teknologi Kebangsaan menjadi Yang Berhormat di Bukit Rawa di Kedah, menjadi Pemangku Timbalan Presiden PAS dan pernah dikalahkan oleh saya di Ulu Muda awal tahun ini dengan begitu teruk sekali, yang dia sendiri tidak percaya yang saya boleh buat dia dengan kelebihan 3,560 undi. Mereka inilah yang hendak singkirkan Bapa PAS, Dato' Haji Mohd. Asri dan pengikut-pengikutnya, termasuk Wakil dari Rantau Panjang yang mereka ini menjadi pengikut Dato' Asri kata mereka dan kesemuanya berada dalam

senarai hitam yang telah pun dihitamkan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang baru itu.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, itu mana ada berkaitan dengan Rang Undang-undang ini (*Ketawa*). Ini sudah jadi rapat umum, Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, saya hendak bandingkan Kerajaan kita begitu bersih, hendak banding dengan hak mereka yang kelam-kabut (*Ketawa*), sebab itu saya cerita sedikit.

Timbalan Yang Dipertua: Tetapi sila menumpu kepada Rang Undang-undang ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia, sekarang ini Kerajaan sedang menambahkan syiar Islam untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa yang benar-benar bersifat internasional tanpa menyimpang dari tugasnya. Hari ini di saat-saat yang diharapkan itu terbukti dan menjadi kenyataan Rang Undang-undang baginya kita sedang bincangkan sekarang ini dan sambutan di seluruh dunia Islam terhadap impian Perdana Menteri kita semakin hebat dapat sambutan seluruh dunia, kecuali dunia komunis agaknya ataupun puak-puak Pembangkang dalam Malaysia ini. Rancangan ini sudah mendapat restu dari negara-negara Timur Tengah, umpamanya, Kuwait, Arab Bersatu dan telah dapat sokongan kuat dalam Mesyuarat Menteri-menteri Pertubuhan Negara Islam di Republik Niger baru-baru ini yang mendapat sokongan penuh dengan hati terbuka dan selepas itu pemimpin-pemimpin negara kita sungguh sibuk bagi mewujudkan Universiti Islam ini. Sebagai contohnya, Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, termasuklah Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Menteri Kewangan dan seluruh anggota Kabinet, termasuk juga Timbalan-timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru jadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia pergi balik mengunjungi Ketua-ketua Negara Islam untuk mendapatkan sumbangan dan berterusan di samping merancang butir-butir cadangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang sedang mentadbirkan Kerajaan Malaysia beransur-ansur menghebatkan syiar Islam. Mereka ke sana dan sempat berjumpa dengan Raja-raja negara Timur Tengah termasuk juga kaum-kaum intelek, tokoh-tokoh politik, profesor-profesor, intelektual-intelektual Islam di Kuwait, di Arab Saudi, di Emirate Arab Bersatu yang begitu berminat sekali hendak melihat kejayaan universiti ataupun projek yang akan dilaksanakan secepat mungkin dalam negara Malaysia di bawah Kerajaan Barisan Nasional yang berjanji dengan rakyat seluruh Malaysia hendak mentadbirkan negara ini dengan bersih, cekap dan amanah.

Oleh kerana sokongan mereka begitu takjub dan bersungguh-sungguh maka lawatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini ke Timur Tengah terpaksa dibawa bersamanya pakar-pakar dari Malaysia seperti Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad; Penyelaras Projek Universiti Islam, Profesor Ariffin Suhaimi, termasuk juga Pengarah Bahagian Ugama, Kementerian Pelajaran, Dr Abdul Hamid yang saya tahu datangnya dari Sik, kawasan Ulu Muda (*Ketawa*).

Saya mendapat faham mengatakan minat yang mereka tunjukkan kepada kita atas projek Universiti ini sungguh

besar dan sambutan kepada Menteri-menteri dan rombongannya begitu hebat sekali dan mereka merasa kagum dan terperanjat dengan usaha Malaysia di bawah pimpinan 2M ini hendak materialisasikan penubuhan Universiti Islam itu. Saya percaya dengan sambutan bagitu kemas, kejut dan erat kepada pemimpin kita, maka saya percaya pertukaran kepakaran, pengalaman knowhow, tenaga pengajar dan penyelidikan terutamanya dalam pengajaran syiar dan bahasa Arab keadilan, hal-hal wakaf dan lain-lain lagi sudah tentu akan diperolehi dari negara Timur Tengah yang berdamping rapat dengan kita selama ini.

Tuan Yang Dipertua, pilihan nama Universiti Islam Antarabangsa adalah tepat sekali dengan kebersihan Kerajaan Barisan Nasional selaras dengan konsep falsafah cekap dan tujuan-tujuan Kerajaan bersih, cekap, amanah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang kita kasihi selama ini. Kita percaya projek yang dijalankan oleh Malaysia itu akan menjadi contoh bukan bagi negara-negara Afrika dan Asia tetapi juga bagi seluruh dunia. Malaysia saya percaya dengan sikap bersih, cekap dan amanah akan menjaga taraf Universiti ini kekal ditubuhkan dan harum namanya di seluruh ceruk rantau dunia kita dan Universiti ini akan memainkan peranannya yang utama dan yang penting sekali untuk mengembalikan keagungan agama Islam dalam bidang pelajaran selaras dengan tradisi-tradisi keislaman kita sejajar dengan agama Islam adalah agama tercatat dalam Perlembagaan negara kita semenjak merdeka lagi. Saya percaya Universiti ini adalah wujud pada pertengahan tahun 1983 ini akan berkonsepkan, bercorakkan Islam, corak dan sifat keislaman Universiti-universiti dalam struktur akademik dan kurikulumnya, pelajar-pelajar akan didedahkan khusus kepada tamaddun Islam,

pandangan terhadap keutuhan, kemanusiaan dan kedudukan alam semula jadi.

Saya mendapat faham juga bahawa Universiti ini adalah bercorak Islam dan bukannya hanya sebuah Universiti mengajar pengajian Islam semata-mata, ia akan mengajar ilmu-ilmu biasa tetapi konsep dan falsafahnya adalah berdasarkan kepada perjuangan Islam. Ini adalah kerana saya mendapat faham yang Universiti ini akan ditubuhkan adalah untuk meningkatkan peranan Islam dalam semua ilmu sains mengikut tradisi Islam, menghidupkan semula tradisi Islam yang berkembang dalam berbagai ilmu untuk menambah ilmu pengetahuan manusia yang bermula daripada pengajaran Nabi Muhammad s.a.w. lagi, memberi peluang pelajaran tinggi kepada pelajar-pelajar kita sendiri termasuk juga pelajar-pelajar semua negara amnya dan pelajar-pelajar negara sedang membangun khususnya pelajar-pelajar dalam ASEAN sendiri.

Perlaksanaan Universiti ini akan bermula pada pertengahan tahun 1983, bertempat sementara waktu di Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya dan kampusnya akan didirikan di Bukit Pelasung dekat Frazer's Hill ataupun dekat Bukit Genting, Pahang, dan bilangan pelajar permulaan ialah seramai 180 sahaja dan bilangan kakitangan akademiknya dijangka berjumlah 200 orang. Saya ucapkan syabas kepada Pentadbir Kolej Islam dan kepada Kerajaan Negeri Pahang atas kesanggupan mereka hendak mewujudkan Universiti Islam Antarabangsa di negara kita sendiri tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi pendapat saya lanjut berkenaan dengan penubuhan Universiti dan tempat hendak dipilih sebagai tapak Universiti ini, tetapi saya

kurang senang iaitu diwujudkan di Pahang kononnya, pada pandangan saya kurangnya begitu tepat. Sebab mengapa saya cadangkan yang Universiti Islam ini mestilah ditapakkan di negeri Kedah Darul-Aman. Sebab-sebabnya mengapa saya cadangkan begitu saya akan huraikan. Sebagai penghargaan orang Islam dari seluruh Malaysia khususnya dan umat Islam sedunia amnya, kepada dua putera anak watan Kedah iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri yang kita semua kasihan dan beliaulah yang bertanggungjawab mengasaskan Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia beribupejabat di Jeddah, negara Arab Saudi dan beliaulah yang menjadi Setiausaha Agung yang pertama Pertubuhan yang kita umat Islam kasihan dan sayangi dan juga satu penghargaan yang mulia kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita semua rakyat Malaysia kasihan yang sedang mentadbirkan negara ini dengan bersih, cekap lagi beramanah. Beliau adalah pengasas dan penganjur Universiti Islam yang kita sedang bincangkan hari ini dan juga pengasas Bank Islam Malaysia Berhad yang kita bincangkan dan telah pun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Dari segi ekonomi pula, negeri Kedah mempunyai infrastruktur yang sedia ada, terutamanya di pekan Sungai Petani, satu tempat atau satu kawasan yang sedang meningkat maju di kelilingi oleh ramai penduduk Islam dan berdekatan pula dengan pelabuhan kapal dan Lapangan terbang Antarabangsa di Pulau Pinang dan berhampiran dengan Lebuh raya Timur-Barat. Ini bermakna juga berhampiran dengan negeri Kelantan dan negeri Terengganu, berhampiran juga dengan negeri Perlis. Kemudahan infrastruktur yang sedia ada itu akan dapat menyelamatkan berjuta-juta perbelanjaan penubuhan Universiti Islam.

Lagi satu betapa pentingnya Universiti ini mustahak diadakan di Sungai Petani, harus kita akan sukar mendapatkan pensyarah-pensyarah, profesor-profesor untuk berkhidmat di Universiti Islam; disebabkan ianya berdekatan dengan Universiti Sains di Pulau Pinang, dengan INTAN dan Maktab Perguruan di Sungai Petani malah lebih penting lagi banyak terdapat tenaga pekerja yang akan berjumlah beribu-ribu orang apabila Universiti Islam itu wujud nanti, terutama sekali bagi mereka yang tidak ada pekerjaan seperti pak tani ataupun pekebun-pekebun kecil yang masih meleset pada hari ini dan mungkin orang daripada kawasan Ulu Muda juga boleh dapat kerja di dalam Universiti.

Tuan Yang Dipertua, jikalau hendak diadakan Universiti Islam itu seperti diura-urakan di kawasan pergunungan berhampiran dengan Frazer's Hill ataupun berhampiran Genting Highlands, maka tidak mahu dunia Islam akan mengetahui tentang adanya pusat perjudian di Malaysia di Genting Highlands. Saya boleh jelaskan pengaruh atau nama baik Universiti Islam Antarabangsa yang kita akan tubuhkan itu kerana dari segi psikologi dan sosiologi, manakah ibu-bapa bakal-bakal penuntut Universiti ini terutamanya orang-orang Islam hendak menghantar anak-anak mereka pergi belajar ke tempat yang berdekatan dengan tempat perjudian yang sangat termasyhur di dalam negara kita selama ini ataupun terkenal juga di seluruh ASEAN atau di seluruh dunia dengan aktiviti perjudian di pergunungan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya merayu dan meminta sangatlah sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya usaha Universiti Islam Antarabangsa yang diura-ura itu diwujudkan di Sungai Petani atau berhampiran dengannya di negeri Kedah, di kawasan tengah, termasuk

juga jika oleh di Ulu Muda berhampiran dengan Sungai Petani. Jikalau tidak, tiap-tiap orang daripada kita, terutamanya yang beragama Islam dalam Dewan yang mulia ini akan bertanggungjawab sepenuhnya di akhirat kelak kalau jadinya Universiti Islam berhampiran Genting Highlands dan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam itu pergi dan gila berjudi di Genting Highlands yang letaknya tidak berapa jauh daripada kampus Universiti Islam yang sedang dirancangan itu. Berjudi adalah tidak diredhai oleh Allah dan memang sekali salah di segi agama Islam, apatah lagi perjudian oleh bakal mahasiswa dan mahasiswi yang mengganggu pelajaran mereka nanti di Universiti yang akan dibina di sana seperti yang diura-urakan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya meminta dan merayu pada hari ini janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat salah anggap terhadap saya memberikan pendapat ini yang secara kebetulan sahaja datangnya dari negeri Kedah mengenai syor dan cadangan-cadangan ini. Saya buat syor dan cadangan ini dengan penuh perasaan tanggungjawab saya terhadap negara, bangsa dan agama kita terutama bagi kita beragama Islam, negara yang aman damai dan rakyat yang bersatu-padu selama ini yang mana hanya negara Malaysia yang tercatat di dalam Perlembagaan Negara Islam adalah agama rasmi negara kita semenjak daripada tahun 1957 lagi. Saya percaya penuh perasaan saya membuat cadangan ini ialah kerana perasaan tanggungjawab dan penghargaan kita kepada jasa-jasa dan kebaktian cemerlang yang tidak terhingga kepada dua orang anak watan teragung dalam negeri kita yang kebetulannya datang dari negeri Kedah yang telah menyumbangkan tenaga dan jasa bakti mereka kepada negara kita selama ini, terutamanya kepada seluruh rakyat dalam negara kita amnya dan kepada umat Islam khasnya semenjak

daripada tahun 1946 menentang Malayan Union, mencapai kemerdekaan tahun 1957 dan mentadbir secara Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya mewujudkan negara Malaysia, yang menubuhkan persefahaman ASEAN dan lain-lain lagi. Kegigihan Kerajaan kita dengan sikap baru iaitu bersih, cekap dan amanah, satu negara yang sentiasa aman, damai dan harmoni disebabkan oleh dua orang anak watan yang datangnya dari Kedah dibantu oleh ahli-ahli Kabinet mereka selama ini. Mereka tidak lain dan tidak bukan ialah Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan Perdana Menteri yang keempat iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri dan Perdana Menteri kita yang ada sekarang ini iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang kita semua kasihi selama ini.

Pendek kata, semua orang tidak boleh nafikan dalam negara kita dan seluruh dunia bahawa mereka inilah orang yang bertanggungjawab atas penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad dan Universiti Islam Antarabangsa yang kita sedang bincangkan sekarang ini termasuk juga ahli-ahli Kabinet mereka dan seluruh cerdik pandai dalam negara kita ini. Ringkasnya tujuan mengadakan Universiti Islam Antarabangsa di Sungai Petani, Kedah ialah kerana kita memberikan penghormatan dan penghargaan yang tidak ternilai kepada dua orang cerdik pandai negara kita yang sebenarnya datangnya dari negeri Kedah. Itu adalah tanda kenangan dan bakti kita kepada dua orang anak watan yang saya sebutkan itu. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan syor, pandangan dan pendapat saya sekejap tadi dan saya sungguh berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap selepas daripada saya bersetuju dengan apa yang saya katakan ini.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya sokong sepenuhnya Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 yang akan dikenali dengan nama Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1982. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang Dipertua kerana membenarkan saya membahaskan ataupun membincangkan Rang Undang-undang ini dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah beri sokongan di atas cadangan saya supaya Universiti ini hendak ditempatkan sementara di Petaling Jaya, bagi tempat yang tetapnya daripada sebab-sebab yang saya katakan tadi pilihlah Sungai Petani.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Petaling.

5.09 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Yang Dipertua, saya wakil Petaling, dukacita tidak dapat menyokong Universiti Islam itu diletakkan di Kedah (*Ketawa*), Petaling Jaya saya bersetuju (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1982. Sudah menjadi kenyataan bahawa di Malaysia pada tiap-tiap tahun beribu-ribu pelajar yang berkelayakan akademik tidak dapat masuk ke lima buah Universiti yang ada sekarang ini. Ini sudah tentu mengecewakan mereka.

Tuan Yang Dipertua, mengikut angka kemasukan universiti bagi sesi tahun 1981/1983 sebanyak 62% ditolak kerana di antara 16,000 permohonan hanya sebanyak 6,000 sahaja berjaya iaitu 38% berjaya mendapat tempat di universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang Dipertua, keadaan ini mungkin mendatangkan bahaya terutamanya apabila kita memandangkan bahawa negara kita ini

bukan sahaja sebuah negara yang berbilang kaum tetapi juga kemasukan di universiti adalah berdasarkan kepada quota kepada tiap-tiap bangsa.

Tuan Yang Dipertua, sudah juga menjadi kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang membangun dan masih lagi kekurangan para graduan dari universiti. Langkah-langkah mestilah diambil dengan secepat mungkin untuk menubuhkan lebih banyak lagi universiti, kolej-kolej teknikal dan juga politeknik untuk memenuhi kehendak para pelajar ke peringkat pengajian tinggi. Dengan cara ini bolehlah mengelakkan kekeciwaan di antara pelajar-pelajar dan juga rakyat.

Tuan Yang Dipertua, jika tidak, kekeciwaan ini akan memberi perasaan tidak puas hati dan ini tidak begitu sesuai untuk membina sebuah negara yang berbilang kaum.

Tuan Yang Dipertua, sudah banyak kali disebut tentang penubuhan universiti keenam tetapi nampaknya tidak ada langkah-langkah yang berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat ini. Dengan penubuhan universiti keenam ini akan mengurangkan tiap-tiap tahun jumlah pelajar-pelajar yang berkelayakan akademik untuk melanjutkan pelajaran tinggi. Kerajaan sepatutnya mengambil langkah-langkah dengan secepat mungkin untuk menubuhkan universiti keenam ini dan seterusnya juga membuat rancangan untuk menubuhkan universiti yang ketujuh, kelapan dan kesembilan supaya pelajar-pelajar yang berkelayakan akademik yang hendak melanjutkan pelajaran ke universiti akan mendapat peluang memasuki universiti.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Universiti Islam yang akan ditubuhkan menjadi sebuah universiti antarabangsa yang akan menempatkan pelajar Islam dan juga pelajar yang bukan Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan penubuhan Universiti Islam dan merayu kepada Kerajaan untuk menentukan pengambilan pelajar-pelajar ke Universiti Islam itu adalah adil. Maka Universiti Islam patutlah dikira sebagai salah satu universiti tempatan di negara ini apabila menimbangkan pengambilan pelajar ke universiti.

Tuan Yang Dipertua, dalam teori universiti-universiti adalah harus diuruskan oleh cendekiawan-cendekiawan yang terpilih berdasarkan sukatan akademik mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kedudukan politik dalam negara kita universiti-universiti di negara kita adalah diuruskan dengan pentadbiran yang dipengaruhi oleh campur tangan Kerajaan kita. Ini telah menjadi nyata semenjak Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 diluluskan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada perlantikan-perlantikan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan (Dean), Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan Bahagian adalah amat mendukacitakan bahawa perlantikan jawatan-jawatan tersebut tidaklah mencerminkan penyusunan bangsa-bangsa dan penduduk-penduduk negara ini.

Tuan Yang Dipertua, Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum di mana setiap kaum itu sedia menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara. Kita mesti cuba dengan sedaya upaya kita untuk memastikan bahawa peluang-peluang untuk berkhidmat kepada negara dapat diberikan kepada setiap kaum di negara ini. Akan tetapi, di antara lima orang Naib Canselor di dalam lima buah universiti tempatan itu tidak seorangpun yang terdiri daripada orang Cina dan di antara 15 Timbalan Naib Canselor di dalam 5 universiti tempatan itu tiada juga orang Cina. Bagi lain-lain perlantikan yang lebih

rendah seperti Dekan-dekan Fakulti dan Ketua Jabatan dan Bahagian di dalam universiti-universiti hanya beberapa perlantikan-perlantikan yang diisikan oleh orang-orang Cina sahaja. Contohnya, di antara 11 Dekan-dekan di Universiti Malaya hanya seorang daripada mereka itu adalah orang Cina iaitu Encik Yip Yat Hoong dari Institusi Pengajian Tinggi.

Tuan Yang Dipertua, ada ramai rakyat keturunan Cina yang bijaksana dan berkecayaan untuk memenuhi perlantikan jawatan-jawatan yang disebutkan oleh saya tadi.

Tuan Yang Dipertua, jika masyarakat Cina tidak diberi peluang untuk berkhidmat kepada negara di lapangan kemajuan akademik, maka dengan sendirinya kita tidak mengaku bahawa penduduk-penduduk Malaysia adalah terdiri daripada berbilang kaum dan ini akan mengakibatkan tidak puas hati golongan yang tertentu terhadap struktur politik buat masa sekarang. Ini juga akan mengakibatkan kemerosotan taraf universiti-universiti negara ini kerana sebahagian daripada kakitangan-kakitangan universiti tidak akan bekerja bersungguh-sungguh disebabkan mereka tidak diberi dorongan, galakan dan kurang mendapat peluang untuk kenaikan pangkat. Manakala yang lainnya pun tidak akan bekerja bersungguh-sungguh kerana kenaikan pangkat mereka adalah secara automatik.

Tuan Yang Dipertua, kita mempunyai tanggungjawab untuk menubuhkan sebuah negara di mana rakyat yang berbilang kaum dapat hidup dengan aman, damai dan harmoni. Oleh itu, saya mendesak Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang serius dengan secepat mungkin untuk membetulkan ketidakseimbangan jawatan-jawatan di universiti-universiti negara ini dan mengisikan jawatan-jawatan itu berdasarkan kepada penduduk-penduduk yang berbilang kaum di

negara ini atau berdasarkan 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.19 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bagi membolehkan negara kita menubuhkan sebuah universiti antarabangsa, dengan perkataan lain, bahawa universiti itu adalah Universiti Islam Antarabangsa yang selepas ini kemungkinan satu Akta Universiti Islam Antarabangsa yang akan dibentangkan kepada kita. Tetapi malangnya, setengah-setengah pihak tidak begitu memahami tentang pindaan ini dan telah menganggap pindaan ini seolah-olah membolehkan sebuah universiti lain akan ditubuhkan yang dimiliki oleh swasta. Sebenarnya, penggunaan bahasa Arab dan Inggeris di Universiti Antarabangsa seperti ini adalah wajar sekali dan ini kemungkinan tidak akan terlibat dengan bahasa-bahasa lain yang akan timbul yang akan diusulkan oleh pihak tertentu.

Sebenarnya, wakil daripada Kota Melaka yang menyebutkan tadi yang tidak ada di sini — sebenarnya dia ini wakil yang bertelinga nipis, kadang-kadang apabila sebut sahaja Universiti Islam mulutnya kata menyokong tetapi hatinya tidak begitu senang, terluncat-luncat seolah-olah seperti kera kena belacan.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi negara kita telah menempa sejarah dunia iaitulah sejarah dunia Islam yang mempunyai langkah yang berani untuk menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa. Langkah-langkah yang

mulia ini adalah langkah yang diredai oleh Allah s.w.t. Tuan Yang Dipertua, sekalung bunga dan tahniah setinggi-tingginya patut diberi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang lain yang bercita-cita tinggi untuk melihatkan rakyat dan umat Islam seluruh dunia dapat dan mendalami ilmu di pusat pengajian tinggi Islam Antarabangsa yang akan memenuhi konsep dan nilai-nilai Islam yang sebenarnya. Ini membuktikan bahawa pemimpin Barisan Nasional tidak bercakap sahaja, kata-kata mesti dikotakan. Cakap biarlah serupa bikin. Jangan cakap berdegar-degar tetapi tidak membuat apa satu tindakan yang boleh menegakkan Islam dan juga segala bentuk yang boleh meninggikan syiar Islam dalam negara ini khasnya dan juga seluruh dunia amnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan penubuhan Universiti Islam ini adalah berlandaskan konsep Islam yang sebenarnya yang hanya dapat dikaji dengan cara ilmiah di pusat-pusat pengajian tinggi dan tidak terdapat di kaki-kaki lima atau di kedai kopi atau di cerok-cerok kampung dan di rantau-rantau yang jauh yang boleh memesonkan fikiran dan akidah orang-orang Islam itu sendiri. Projek yang begini besar dan mulia ini dengan berani dan terang-terang negara kita telah membuat keputusan untuk mewujudkan walaupun beberapa buah negara Islam yang lain di seluruh dunia dan juga di Asia Afrika telah tidak sanggup untuk menubuhkan universiti ini setelah pengisytiharan Mekah tahun 1976 yang dibuat satu masa dahulu. Dengan kesanggupan negara kita menerima cabaran ini telah mendapat pujian dan juga sanjungan dari beberapa buah negara Islam termasuk Presiden Universiti Emirate Arab Bersatu yang telah memuji kepimpinan Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin negara yang ada dalam negara kita. Jadi, dengan ini membuktikan bahawa cadangan seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti bagi membolehkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini adalah satu langkah yang wajar dan perlu sekali. Kalaulah benar apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran tadi bahawa Universiti Islam Antarabangsa ini ditubuhkan untuk melaksanakan dasar falsafah pendidikan Islam seperti yang dicadangkan di dalam konferen antarabangsa seperti Pendidikan Islam yang pertama di Mekah pada tahun 1976 yang saya sebutkan tadi, maka masanya telah lama tiba bagi kita melaksanakan dasar dan falsafah yang disebutkan itu. Selama ini umat Islam hanya berangan-angan dan banyak membuat teori-teori mengenai perpaduan dalam ilmu dunia dan juga agama dan ada setengahnya mengatakan untuk membiarkan ilmu dunia itu dipisahkan daripada agama di dalam sistem pelajaran negara kita.

Perpisahan ilmu seperti ini adalah berlawanan dengan Islam dan ianya adalah warisan sistem pelajaran penjajah yang tidak boleh kita kekalkan. Ini adalah kata-kata di antara beberapa pihak yang tertentu dan juga pemikiran telah pun timbul di dalam fikiran kita, maka cita-cita kita untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam di Malaysia telah tercetus semenjak Kolej Islam Kelang ditubuhkan dan kita terpaksa menunggu lebih 20 tahun untuk menjadikan angan-angan ini untuk menjadikan satu kenyataan, tetapi alhamdulillah kerana bentuk Universiti Islam yang dicadangkan ini merupakan satu konsep yang lebih besar dan juga konsep yang lebih luas dari cita-cita asal Kerajaan kita pada masa itu.

Tuan Yang Dipertua, bagi menyakinkan kita yang mengidam-idamkan Universiti Islam ini menjadi kenyataan dan membolehkan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dipinda, maka saya perlu satu penjelasan yang ringkas dari Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengenai dasar dan falsafah universiti ini sebagaimana yang dinyatakan tadi. Kalaulah benar maklumat yang kami terima mengenai program-program akademik universiti ini dari sumber-sumber luar Dewan yang mungkin boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai bahawa Universiti Islam Antarabangsa ini akan mengadakan fakulti ekonomi, fakulti undang-undang, sains, kejuruteraan, sains kemanusiaan, arkitektur dan juga perubatan dan tidak terdengar tersebut di dalam punca-punca yang saya dengar tadi mengenai fakulti pengajian Islam padahal ini adalah sebuah Universiti Islam. Jadi, kalaulah maklumat ini benar, di manakah duduk ilmiahnya mengenai akidah dan juga bagaimana penyerapan di dalam ilmu-ilmu yang lain di dalam penyerapan Islam yang sebenarnya. Dan kalaulah benar apa yang saya sebutkan tadi, ini bermakna Universiti Islam Antarabangsa ini akan merupakan ilmu yang boleh menghamburkan ilmu pengetahuan daripada segala bidang dan kemasukan pengajian Islam sebagai satu pengajian Universiti Islam ini adalah merupakan sesuatu yang diharap-harapkan supaya pendalam di dalam ilmu Islam ini dapat kita jadikan sebagai satu asas yang boleh menjadikan Universiti Islam ini sebagai universiti yang benar-benar mengamalkan dasar Islam.

Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa rancangan Universiti Islam Antarabangsa ini akan merangkumi konsep asal Universiti Islam yang dicita-citakan itu semasa penubuhan Kolej Islam Malaya dahulu dan perkembangan ini sudah tentu akan meningkatkan lagi pelaksanaan syiar

Islam di Malaysia ini lagi lebih menjamin keharmonian di antara rakyat Malaysia dan juga menjamin kestabilan negara ini.

Tuan Yang Dipertua, tempaan sejarah dunia Islam oleh pemimpin kita seolah-olah mengembalikan semula keagungan Islam dan juga kegemilangan umat Islam di dalam bidang ilmu pengetahuan di zaman keagungan Islam di zaman dahulu. Sokongan negara-negara Islam dalam Persidangan Negara Islam yang mewujudkan Universiti Islam Antarabangsa ini adalah tidak meragukan Kerajaan kita bagi menjayakan secepat mungkin pelaksanaan penubuhannya.

Tanggungjawab pelaksanaan ini akan dipikul oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Pelajaran yang akan menentukan bahawa Universiti Islam ini menjadi kenyataan setelah Pindaan Akta ini diluluskan.

Apabila wujudnya Universiti Islam di Malaysia adalah merupakan satu tonggakan keagungan Islam di Tenggara Asia ini dan akan melahirkan tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin Islam yang berfikiran luas dan juga yang berpandangan jauh lebih-lebih lagi tonggak keagungan Islam yang dihasilkan oleh Universiti Islam ini akan dapat menghindarkan pengaruh-pengaruh asing dan fahaman-fahaman socialist juga fahaman-fahaman Marxist, komunis yang merupakan impian sahaja itu yang cuba hendak meresapi ke dalam fikiran dan jiwa raga umat Islam di rantau ini.

Fahaman-fahaman karut yang diputarbelitkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang berkepentingan akan dapat dihindarkan dan juga pengaruh-pengaruh ini adalah amat merbahaya jika dibiarkannya. Oleh kerana Universiti ini merupakan universiti antarabangsa sebagaimana

yang disebutkan tadi, kemungkinan bahasa Arab dan bahasa Inggeris akan digunakan sebagai bahasa penyampaian ilmiah yang sejajar dengan taraf universiti antarabangsa tetapi Bahasa Malaysia hendaklah ditentukan sebagaimana yang disebutkan akan jadi sebagai satu bahasa pentadbiran dan hendaknya Bahasa Malaysia juga akan dijadikan satu bahasa yang boleh dipelajari di universiti tersebut. Ini adalah sebagai menghormati kerana wujudnya Universiti Islam ini di negara ini.

Sekiranya kita tidak menghidupkan pengajian Bahasa Malaysia di Universiti tersebut, bermakna penghormatan penubuhan universiti tersebut di dalam negara kita adalah tidak bermakna lagi, tetapi penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab di Universiti Islam ini tidakkan menjadi satu alasan kepada mana-mana pihak yang bercita-cita hendak mewujudkan satu lagi universiti tempatan di dalam negara kita ini kerana penubuhan universiti ini adalah universiti antarabangsa dan apa yang kita bincangkan ini adalah bincang peringkat antarabangsa. Kita tidak berbincang di sini berdasarkan universiti tempatan, universiti yang akan ditubuhkan oleh swasta sebagaimana yang diminta oleh pihak dari Kota Melaka tadi. Universiti ini merupakan universiti yang ditanggungjawabkan oleh Kerajaan, universiti yang dijamin oleh Kerajaan dan juga badan-badan lain yang lebih berkuasa di peringkat antarabangsa. Mungkin pengurusannya, perbelanjaannya juga oleh pihak-pihak lain yang tidak disogok perbelanjaannya kepada negara kita dan kita tidak mahu suatu universiti itu ditubuhkan oleh swasta di dalam negara kita yang membangun ini.

Kita tidak mahu membandingkan negara kita dengan di Amerika atau di negeri-negeri lain yang lebih maju walaupun banyak universiti tetapi

pengangguran daripada keluaran universiti itu juga bertambah daripada negara kita. Kita tidak mahu apabila universiti ini ditubuhkan oleh swasta akan lahir di negara kita ini ijazah yang bermutu rendah yang mungkin boleh dibeli, kerana cita-cita badan swasta ialah kewangan dan keuntungan, melainkan negara-negara yang telah maju seperti negara-negara yang telah maju yang menjalankan universiti oleh swasta. Dengan sebab itulah negara-negara tersebut bagi negara kita tidak mengiktiraf semua universiti yang ditubuhkan oleh swasta itu bagi menjamin mutu ijazah yang akan diperolehi oleh rakyat negara kita. Dengan ini mengapa pihak DAP daripada Kota Melaka tidak membawa usul sendiri untuk menubuhkan sahaja Universiti Merdeka atau universiti tempatan di dalam Dewan ini sebagaimana pernah dibuatnya dahulu, tetapi malangnya cadangan yang dibawa itu ditarik balik dengan tidak semena-mena kerana takut mendapat tamparan daripada apa yang dibuatnya itu. Kalau pihak tersebut hendak membawakan usul ini bagi memasukkan ke dalam penubuhan Universiti Antarabangsa, ini adalah merupakan suatu perkara yang tidak patut dan perkara itu adalah merupakan perkara asing.

Tuan Yang Dipertua, dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini janganlah ada pula mana-mana pihak atau puak yang mendabik dada mengatakan inilah cadangannya, inilah hasratnya, inilah perjuangannya dan inilah cita-citanya dan inilah matlamatnya atau berbagai-bagai "ini" dan "dan" timbul dalam Dewan ini untuk mengakukan bahawa Universiti Islam yang ditubuh ini adalah hasil daripada perjuangannya. Kita tahu wujudnya Universiti Islam Antarabangsa ini adalah hasil dari keputusan bijak dan berani pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang ada di dalam negara ini, terutama kepada pemimpin-pemimpin yang ada

sekarang ini kerana walaupun Universiti Islam ini lahirnya dari nama Islam tetapi ianya tidak kena-mengena dengan nama Islam yang diberi kepada parti politik. Oleh itu, orang yang menggunakan nama Islam bagi partinya tidak akan senang mengaku bahawa projek Universiti Islam itu adalah projeknya kerana nama Muhammad yang diberi kepada nama anak kita itu tidak semestinya anak itu akan menjadi seorang Nabi Muhammad s.a.w. Apa yang ada pada nama adalah nama yang lahir sekarang ini tetapi perbuatan dan pelaksanaan konsep Islam dan nilai Islam yang berdasarkan Al-Quran dan Hadith itu adalah lebih penting daripada segala-galanya walaupun partinya yang memperjuangkan ini bernama UMNO.

Tuan Yang Dipertua, kata-kata saya ini tidak akan terkeliru dan dikelirukan kerana kita tidak hendak sokongan diberi kerana universiti ini bernama Universiti Islam tetapi sokongan diberi hendaklah berdasarkan kesedaran, kesedaran di atas konsep dan nilai-nilai ilmu pengetahuan yang diperlunaskan Islam di pusat pengajian tinggi itu lebih dipentingkan dan diutamakan.

Apabila sebuah Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan, bermakna negara kita akan dikunjungi oleh anak-anak muda yang berpengajian tinggi dari negara-negara lain, negara kita akan didatangi oleh umat Islam dari seluruh dunia dengan matlamat untuk mendalami ilmu pengetahuan. Kedatangan mereka adalah menjadi kebaikan dan ada juga yang mendatangkan keburukan bagi sebuah negara yang membangun seperti negara kita ini. Kerajaan hendaklah berhati-hati di dalam perkara ini kerana sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pelajar yang datang dari seluruh dunia akan membawa berbagai-bagai fahaman dan pendapat yang berbeza tentang hidup dan

tentang negara, lebih-lebih lagi tentang fahaman politik yang berbeza-beza yang dibawa oleh mereka itu akan mempengaruhi fahaman dan pendapat yang ada di dalam negara kita ini. Janganlah kestabilan politik negara kita yang sedang membangun ini akan dicemar atau dititik dengan nila atau titik-titik yang membahayakan negara kita. Perkara ini saya sebutkan supaya kita berhati-hati dan ingat sebelum kena dan kita teringat sebelum sesuatu itu terantuk.

Unsur-unsur luar sangat mudah meresapi ke dalam negara kita, tambahan pula kalau fahaman itu disalutkan dengan keagamaan atau keislaman walaupun itu tidak merupakan satu ajaran atau mengikut satu ajaran atau keislaman yang sebenarnya. Sesuatu fahaman dari luar itu akan mudah diresapi dengan adanya kunci-kunci di dalam negara ini. Oleh itu, dengan tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa ini akan memberi peluang lebih besar kepada rakyat kita di dalam negeri ini yang sepatutnya keutamaan diberi kepada rakyat di negara ini. Selain daripada itu juga, penyediaan bagi anak-anak kita yang akan memasuki ke Universiti Islam ini akan menyediakan maktab-maktab ataupun kolej yang berunsurkan Islam sebagai satu batu asas untuk mewujudkan pendidikan Islam dan juga pengajian Islam di dalam negara ini. Kalau sekiranya penubuhan Bank Islam sebagai satu asas perakaunan dan ekonomi negara dalam negara kita maka penubuhan Universiti Islam di dalam negara ini juga merupakan satu asas kepada perubahan pendidikan dan juga perubahan pengajian yang ada di dalam negara ini supaya keadaan yang dikehendaki oleh negara dan rakyat dapat tercapai bagi mewujudkan sebuah Universiti Islam sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Beruas.

5.41 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Beruas): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan supaya peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak akan terpakai bagi mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf Universiti yang dibenar ditubuhkan di bawah perintah yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, apa jua nama atau stailnya, jika dia berpuas hati bahawa ia akan ditubuhkan menurut mana-mana triti, perjanjian atau konvensyen di antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau menurut mana-mana perjanjian di antara Persekutuan dengan sesuatu organisasi antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, untuk membentuk sesuatu negara yang berkemajuan, bukan sahaja hanya terhadap kepada rakyat kita terutama sekali rakyat muda kita, pelajar-pelajar kita mestilah belajar. Dalam hubungan ini Kerajaan kita mestilah juga menyediakan untuk mereka dengan peluang belajar sama ada secara tempatan atau luar negeri. Sebagaimana Nabi Muhammad bersabda: Untuk mencari ilmu walaupun ke negeri China kita mesti pergi (*Tepuk*). Di masa kini kita hanya mempunyai 5 buah universiti, universiti-universiti itu tidak dapat menerima semua pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan pelajaran di peringkat yang paling tinggi. Setiap tahun beribu-ribu pelajar kita yang memohon masuk ke universiti-universiti di lain negara, jumlah bilangannya telah meningkat tinggi kepada 50,000 orang. Angka ini telah tentunya membuatkan bukan hanya memerlukan sebuah lagi tetapi lebih banyak lagi universiti-universiti demi menepati keperluan yang wujud pada hari ini.

Saya sungguh gembira kerana Kerajaan 2M telah mengamalkan polisi yang begitu liberal. Oleh yang demikian, saya dan Parti Gerakan berharap bukan sahaja Universiti Islam dibenarkan tetapi juga sekiranya ada mana-mana cadangan untuk mendirikan sebuah universiti persendirian oleh rakyat tempatan maka pihak Kerajaan mestilah akan menimbangkan dan juga membenarkannya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.45 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahir-rahmannir-rahim. Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut berucap membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum dari saya meneruskan perbahasan, saya minta kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Ketua Whip Barisan Nasional supaya turut mengawasi setengah-setengah ahlinya dalam mengeluarkan ucapan dan perasaannya dalam Majlis ini untuk menjaga mutu dan tarafnya sebagai Ahli Yang Berhormat yang baik dan bermutu. Setengah-setengahnya sudah dua terms menjadi Wakil Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini tetapi mutu ucapannya, sikap dan perasaannya masih lagi tidak menunjukkan kematangannya.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana hari kelmarin, saya suka memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini walaupun saya tahu dan saya tidak mengharapkan penghargaan ataupun cemuhan daripada pihak Barisan Nasional di atas sikap yang saya akan kemukakan mengenai Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) ini sebagai mewakili

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, sebelum saya tunggu Ahli Yang Berhormat itu habiskan permintaannya kepada saya, jadi saya tafsirkan beliau sudah meminta penjelasan. Saya suka, atas permintaannya itu, menyatakan bahawa sebagai Ketua Whip, semua Ahli-ahli Barisan Nasional sentiasa berdisiplin dan bercakap dengan hujah yang saya teliti dan mendengar dengan benar-benar, nampaknya baik dan tepat. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu pula di atas nama partinya akan dapat mengontrol ahli-ahlinya tetapi malangnya oleh sebab keadaan partinya berpecah, barangkali ini tidak mungkin (*Tepuk*).

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Terima kasih, atas response daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Ketua Whip Barisan Nasional tentang andaian saya tadi. Sebenarnya yang menimbulkan perkara seperti ini ialah kerana masalah mencampuri urusan rumah tangga orang. Setiap rumah tangga ada masalah dan problemnya.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, sila menumpu kepada perkara asal. Ini sudah masuk rumah tangga dan sebagainya macam mana?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana sikap saya kelmarin mengenai dengan Rang Undang-undang Bank Islam, maka pada hari ini juga saya mengumumkan di sini sebagai mewakili lima orang anggota Dewan Rakyat daripada pihak Parti Islam SeMalaysia (PAS) adalah memberi sepenuh-penuhnya sokongan terhadap Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti 1971 ini. Barangkali perlu saya memberitahu di Dewan ini, walaupun tidak begitu datang menyenangkan hati daripada pihak penyokong-penyokong Kerajaan

Barisan Nasional dalam Dewan ini, sebenarnya dalam penubuhan sebuah Universiti Islam, apa lagi dalam negara Malaysia ini memang patut sudah lama ditubuhkan Universiti Islam.

Di Republik Korea Selatan yang mempunyai penganut-penganut Islam tidak sampai 100,000 orang tetapi mereka sanggup mendirikan sebuah Universiti Islam dan mendapat hadiah daripada Kerajaan Republik Korea Selatan berpujuh-puluh hektar tanah untuk dijadikan tapak bangunan Universiti Islam di Korea itu. Jadi memang eloklah dan wajar sekali sekarang kalau Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat 2M sekarang ini yang bercita-ciata hendak menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pemerintahannya membentangkan Rang Undang-undang ini untuk menubuhkan sebuah Universiti Islam.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan dan saya ingin ulangkan untuk perhatian seluruh anggota Dewan yang mulia ini iaitu masalah Islam bukan milik parti PAS (Parti Islam seMalaysia), Islam adalah milik seluruh penganut-penganut Islam dan sekiranya cita-cita Islam ini dianut, didokong dan disokong oleh pihak Barisan Nasional, maka itu adalah menjadi hak setiap penganut Islam dalam Barisan Nasional, dan itu merupakan satu kejayaan perjuangan PAS dalam menegakkan cita-cita untuk mendaulatkan kedudukan Islam dalam negara ini. Begitu juga kalaulah cita-cita Islam ini didokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah kanan ini daripada parti DAP dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, salah seorang anggota daripada DAP bersama dengan saya ini mempunyai naskah terjemahan Al-Quran dalam begnya yang dibawa tiap-tiap hari ke Dewan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua . . .

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Dan pihak saya

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat bagi

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Tuan Yang Dipertua, dan pihak saya adalah memberi penghargaan

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Minta maaf, Tuan Yang Dipertua. Ini satu daripada teknik untuk menunggu orang bercakap, saya sudah memberi peluang dia bercakap, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak beri peluang. Sila duduk!

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Diberi peluang pula kepada pihak parti PAS hanya satu orang sahaja di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang Dipertua: Baik, Yang Berhormat, sila.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Jadi, cita-cita hendak menegakkan Islam ini sekiranya didokong sama oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari pihak DAP, maka pihak parti Islam merasa cukup seronok dan berterima kasih serta bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. Jadi bererti PAS tidak monopoli tentang hal Islam, kalau PAS menyebutkan bahawa tentang hal cita-cita untuk menegakkan sebuah Universiti Islam, begitu juga Bank Islam sudah lama diperjuangkan oleh PAS, tetapi PAS memang tidak bertenaga dan soal PAS tidak bertenaga, tidak mempunyai kemampuan, itu tidak menjadi masalah kerana PAS tidak memegang Kerajaan di peringkat Persekutuan, yang kita gesa sekarang Kerajaan Barisan Nasional yang berkuasa di peringkat Persekutuan, buatlah apa sahaja yang bercorak dan berbentuk

Islam, asalkan untuk menegakkan nilai-nilai Islam dengan secara sepenuh hati.

Sebagaimana saya beritahu semalam juga pihak PAS dengan sepenuh keikhlasan hati akan memberi penjelasan kepada rakyat, bukan kita bercakap dengan lidah dua, dalam Dewan ini kita memberi sokongan dan di luar Dewan kita tidak menentang sebagaimana pernah diutarakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, sila balik ke perkara asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Apa yang dicakapkan, belum apa-apa dia sudah kenakan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Tuan Yang Dipertua, ini masalah Rang Undang-undang yang mesti saya menjelaskan hujah saya, kenapa saya memberi sokongan, jadi tidak usahlah diganggu lagi. Ini hendak menghilangkan semua point-point atau hujah-hujah (*Ketawa*). Ini sengaja dilakukan di hadapan ini hendak bermuka-muka dengan ketua parti Whip dia barangkali (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, jangan jauh sangat.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Tuan Yang Dipertua, saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Dalam masalah pengambilan pelajar-pelajar ataupun mahasiswa-mahasiswa pertama ke dalam Universiti Islam ini, utamakanlah dalam peringkat dari golongan mahasiswanya yang terdiri daripada kaum lelakinya sahaja dahulu dalam peringkat permulaan. Ini untuk mengelakkan daripada timbulnya masalah-masalah kerana bila kita sebut Universiti Islam, fahaman rakyat yang beragama Islam, terutama sekali di kampung-kampung masih memahami

kelebihan antara lelaki itu lebih daripada perempuan dan masih memahami percampuran aduk antara lelaki perempuan itu lebih banyak berbentuk haramnya daripada halal, sebab itu untuk mengelakkan daripada timbul fahaman yang seperti ini di kalangan orang-orang Islam kita di kampung-kampung dalam peringkat awal, saya menyarankan supaya ambillah penuntut-penuntut peringkat pertama daripada kalangan lelakinya sahaja dahulu.

Yang kedua, saya minta juga dalam soal pengambilan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam universiti ini sama ada bernama reaktornya atau bernama Vice-Chancellor ataupun apa, begitu juga Pendaftaranya terdiri daripada rakyat Malaysia ini sendiri kerana jawatan penting itu kita mahu dipegang oleh orang-orang kita sendiri, walaupun Universiti Islam ini bertaraf antarabangsa.

Yang akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya minta daripada seluruh pihak anggota Barisan Nasional di sini dan Kerajaan Barisan Nasional di sini supaya bukan sahaja ditubuhkan Universiti Islam ini, tetapi juga mengislamkan seluruh universiti-universiti yang ada sekarang ini di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.55 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul mengadakan peruntukan supaya peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 tidak akan terpakai bagi universiti swasta.

Kami di dalam DAP tidak menentang penubuhan Universiti Islam Antarabangsa kerana negara kita memerlukan banyak universiti lagi

untuk menampung hasrat dan aspirasi rakyat jelata. Sebenarnya jika Universiti Islam boleh dikendalikan dengan baik dan mencapai taraf atau standard antarabangsa, maka dengan ketidakhadiran cengkaman dari peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, maka muncullah siswa-siswi daripada Universiti Islam kerana Akta Universiti dan Kolej Universiti tersebut adalah Akta yang kejam dan saya berharap penuntut-penuntut di Universiti Islam

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, saya minta sebutkan balik perkataan yang "kejam".

Timbalan Yang Dipertua: Kejam!

Dr Tan Seng Giaw: Akta Universiti dan Kolej Universiti dengan peruntukan-peruntukan yang kejam.

Timbalan Yang Dipertua: Kejam.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya minta penjelasan "peruntukan-peruntukan yang kejam", yang disebutkan tadi. Saya minta Akta Universiti dan Kolej Universiti yang kejam tadi, minta disebutkan penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Di bawah Seksyen 15, tetapi, Tuan Yang Dipertua, kita di sini bukan beri peluang sahaja bagi Ahli-ahli penyokong Kerajaan itu untuk menonjolkan kebolehan kepada Ketua Whipnya sahaja (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat nampaknya marah sangat, kalau ada peluang saya minta dijawab (*Disampuk*).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat ingin jawab atau tidak? Ini peluang kepada Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya hendak membincangkan hal-hal Akta Universiti dan Kolej Universiti. Jikalau penuntut-penuntut di dalam Universiti Islam boleh mempergiatkan tanpa gangguan atau cengkaman dari peruntukan-peruntukan Akta tersebut, maka mereka akan menikmati kebebasan akademik dan otonomi universiti.

Saya mencadangkan supaya bukan sahaja kita hendak mengecualikan Universiti Islam dan universiti swasta dari peruntukan-peruntukan Akta tersebut bahkan juga kita perlulah meminda Akta tersebut agar kelima-lima buah universiti kita ini dapat dibebaskan dari kezaliman yang saya akan menunjukkan bukti-bukti pada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Di sini saya suka membayangkan keadaan universiti-universiti tempatan kerana pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Pada Oktober, 1961 Dewan yang mulia ini meluluskan suatu Perlembagaan universiti pertama, iaitu Perlembagaan Universiti Malaya, selepas itu wujudlah Universiti Malaya pada 1hb Januari, 1962 yang ditakluki oleh sebuah Majlis Universiti (University Council). Wakil-wakil Majlis Universiti tersebut termasuklah wakil dari Kerajaan, Senate University, dari Sultan-sultan, dari University Court, Canselor-canselor Universiti, Graduan-graduan lepasan universiti berkenaan dan khalayak ramai. Jadi, Majlis Universiti yang asalnya terdiri dari:

- 1 Naib Canselor;
- 4 orang yang dipilih oleh University Court;
- 2 orang yang bukan Dekan Fakulti-fakulti yang dipilih oleh Senate University;
- 2 Dekan yang dipilih secara giliran;

1 Professor Madya ataupun Pensyarah yang dipilih di antara Professor-professor Madya dan Pensyarah-pensyarah;

5 orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong;

2 wakil dari Konfrensi Diraja;

Tidak lebih daripada 4 orang yang dilantik oleh Canselor;

1 orang yang dilantik oleh Yang Dipertua Negeri dari Singapura (masa itu tahun 1962);

1 orang daripada Brunei, Sabah atau Sarawak; dan

5 orang dipilih dari Guild of Graduates University of Malaya.

Ini satu Majlis Universiti yang membayangkan segala lapisan masyarakat yang benar-benar dapat mewakili semua lapisan masyarakat tanpa gangguan daripada mana-mana parti politik untuk menjamin otonomi universiti.

Malangnya setelah berlakunya peristiwa 13 Mei dengan rusuhan-rusuhannya, apabila Dewan yang mulia ini pulih semula Akta Universiti dan Kolej Universiti digubalkan, maka hilanglah sama sekali kebebasan akademik serta otonomi universiti. Kegiatan-kegiatan politik bagi siswasiswi telah tersekat. Kerajaan sebenarnya telah mengambilalih kuasa Majlis Universiti dengan mengurangkan bilangan Ahli Majlis tersebut dari 28 orang kepada 15 ahli sahaja. Di antaranya hanya terdapat 6 ahli sahaja yang telah dipilih dan bakinya dilantik oleh Kerajaan. Saya beri satu bukti.

Majlis Universiti Islam tahun 1971 ialah terdiri dari:

- 1 Naib Canselor;
- 3 orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong;

2 orang yang dilantik oleh Konfrensi Diraja;

1 orang yang dilantik oleh Gabenor atau Sultan;

2 orang dilantik oleh Canselor;

2 orang dipilih dari University Court;

1 orang yang bukan Dekan dipilih dari Senate;

1 Dekan dilantik dengan giliran;

2 orang dipilih daripada Guild of Graduates.

Dengan mengurangkan bilangan Ahli Majlis Universiti itu dari 28 kepada 15 dan hanya 6 sahaja dipilih, ini bukan membayangkan semua lapisan masyarakat, yang dibayangkannya itu bayang UMNO di dalamnya, suatu peristiwa yang sangat menyedihkan kita semua kerana

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan kalau Yang Berhormat dari Kepong beri jalan. Beliau mengatakan membayangkan "bayang UMNO". Sama ada beliau boleh menunjukkan contoh-contoh kepada saya umpamanya yang tidak begitu alim dalam perkara ini nama-nama ahli-ahli pada tahun 1962 yang menunjukkan bahawa terdapatnya bayang UMNO di situ.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, selepas tahun 1971 memang ini membayangkan parti memerintah kerana daripada 15 orang hanya 6 orang dipilih dan bakinya dilantik oleh Kerajaan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, saya tidak minta jawapan kepada Kerajaan, yang saya minta bayang UMNO, antara Kerajaan dengan UMNO kalau fahaman saya betul ada bezanya, Tuan Yang Dipertua, minta kalau dapat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, yang memegang teraju Kerajaan itu siapa, bukan DAP.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kalau dapat saya minta Yang Berhormat memberi nama satunya Ahli-ahli Majlis pada masa itu.

Timbalan Yang Dipertua: Pada masa itu!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, masa tidak cukup (*Ketawa*), saya ada banyak hal lagi. Kalau

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Dengan izin, kalau Yang Berhormat tidak dapat memberikan penjelasan ataupun bukti-bukti yang Majlis ini membayangkan UMNO, maka saya minta dia menarik perkataan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan menarik balik kerana Kerajaan yang (*Disampuk*). Tuan Yang Dipertua, ganggu semuanya (*Ketawa*) - susah!

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Saya juga ingin mendapat bukti-bukti daripada Yang Berhormat kerana dia mengatakan bayang UMNO, jadi dia harus beri penjelasan kepada Dewan ini kerana Dewan inilah sebuah Dewan yang mulia.

Dr Tan Seng Giaw: Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat ada yang hendak menunjukkan kebolehan dan kepintarannya, maklumlah Kerajaan sekarang walaupun dinamakan Barisan Nasional tetapi Tok Dalangnya UMNO, itulah bayangnya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, kalau tak silap saya Yang Berhormat Menteri tadi menunjuk kepada nama senarai pada tahun 1962, bukan sekarang.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, penjelasan. Saya catatkan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat, "komposisi Majlis itu membayangkan UMNO".

Timbalan Yang Dipertua: Pada tahun 1962?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Selepas 1961. Jadi kalaulah majoriti Ahli daripada Majlis itu terdiri daripada orang-orang UMNO mungkin apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul, tetapi itulah saya minta dia memberi penjelasan nama-nama, kalau tidak jangan buat "wild allegation", dengan izin.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya minta "substantiate the statement".

Dr Tan Seng Giaw: Selepas tahun 1971.

Timbalan Yang Dipertua: Adakah senarai nama? Kalau tidak, seperti yang dinasihatkan oleh Yang Berhormat Menteri gunakan majoriti, boleh diterima.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya sama ada Ahli-ahli di Dewan ini mengakui bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini sebahagian besar ahlinya daripada parti UMNO dan parti yang memegang teraju Barisan Nasional ialah UMNO. Itu adakah suatu hakikat?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ini luar daripada perkara yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Hussein bin Mahmud: (*Bangun*).

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, go straight to the point. Jangan membazir masa, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya akan meneruskan ucapan saya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, dia tidak boleh meneruskan ucapannya sebelum ia memberi penjelasan tentang yang kita tidak faham ini! Jangan sebutkan semua lantikan Kerajaan itu adalah UMNO. Sesudah dia tarik balik, baru dia boleh teruskan ucapannya, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Tarik balik atau memberi penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya boleh ulangi, Majlis Universiti yang saya sebutkan tadi selepas tahun 1971 ialah membayangkan pengaruh UMNO.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang Dipertua, dia sebut komposisi Majlis itu membayangkan UMNO, itu yang dikatakan. Sebab itulah saya minta supaya dapat dia membuktikan, minta siapa dia yang menjadi ahli itu?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kalau Yang Berhormat Menteri hendak mengetahui, boleh jumpa saya kerana ini akan mengambil masa.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya telah menyuarakan perkara itu kerana memanglah menjadi tugas saya minta beliau memberi bukti yang jelas kerana Dewan ini merupakan satu Dewan yang mulia dan mengikut peraturan seseorang Yang Berhormat itu mestilah bertanggungjawab atas sesuatu perkara yang ditimbulkan oleh dia sendiri dalam Dewan ini. Kalau tidak bertanggungjawab — tarik balik, itu sahaja ceritanya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak ada pilihan lain (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya boleh tunjukkan nama-namanya esok (*Ketawa*).

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat ini bukan kali pertama buat macam ini. Dua minggu yang lepas kita dengar satu peristiwa macam ini. Sepatutnya setelah mendapat pengalaman daripada peristiwa yang lepas, sepatutnya perkataan tadi janganlah disalah keluarkan. Jadi saya ingin, menasihatkan supaya kalaulah beliau tidak berjaya hari ini hendak menunjukkan perkara ini, minta tarik balik sahajalah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, sebagai penghormatan saya kepada Tuan Yang Dipertua, saya menarik balik pada hari ini tetapi saya akan menunjukkan jikalau perlu. Yang Berhormat memang tahu siapa dia! Ganggu sahaja!

Pada tahun 1974 maka wujudlah keadaan keresahan di dalam Universiti dan kerana marahkan satu tikus itu bakarlah rumah semua. Jadi, adakah satu pindaan lagi ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti dan sekali lagi orang-orang yang dipilih untuk Majlis Universiti itu dikurangkan. Cuma sekarang Majlis Universiti yang terdapat sekarang ini seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, seorang Naib Canselor, 2 orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, seorang yang dilantik oleh Konferansi Diraja, seorang yang dilantik oleh Sultan ataupun Gabenor dan seorang yang dilantik oleh Canselor, 2 orang yang dipilih daripada Senet Universiti dan sekarang tambah pula Ketua Setiausaha Perbendaharaan ataupun wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran ataupun wakilnya dan Pengarah Pelajaran ataupun wakilnya, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pun ada di dalamnya dan seorang dari Peguam Negara ataupun wakilnya dan

2 graduan yang sekarang ini dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran ataupun atas nasihat Naib Canselor. Cuma 2 orang lagi sahaja yang dipilih dan termasuklah Ketua Pengarah JPA dan sebagainya.

Ini wujud suatu keadaan di mana sekarang kalau kakitangan-kakitangan akademik hendak meminta cuti ataupun elaun mesyuaratnya, Naib Canselor tidak boleh buat keputusan ataupun Majlis Universiti tidak boleh, hendaklah minta kebenaran daripada JPA kerana bila ada mesyuarat di antara pihak Pengurus Universiti dan kakitangan-kakitangan Universiti itu tidak dapat keputusan yang muktamad, hendak dirujuk kepada Perbendaharaan ataupun kepada JPA. Satu kejadian yang sangat malang, kerana kakitangan-kakitangan Kerajaan terutamanya JPA sibuk dan kadangkala tidak sempat datang. Dari segi kenaikan pangkat, kenaikan gaji termasuk penyelidikan kerana di dalam Universiti kita sangat memerlukan penyelidikan. Tahun ini cuma \$1 juta sahaja ataupun tidak lebih daripada angka itu yang diuntukkan bagi kelima-lima buah Universiti. Kalau hendak menjalankan penyelidikan dalam universiti ini sangat sukar. Saya di sini hendak mengemukakan beberapa aduan dan kesulitan yang dialami oleh universiti-universiti tempatan dan kakitangan-kakitangan akademik.

Pada 13hb Ogos, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah memberi kenyataan bahawa orang-orang bijak pandai universiti "the best brain" hendak dipelihara di dalam universiti. Itu satu kenyataan jikalau boleh dikotakan memang baik kerana pada masa ini semangat kakitangan-kakitangan universiti sangat rendah. Saya beri satu contoh. Selepas Perhimpunan Agung UMNO menetapkan bahawa tamaddun Islam hendaklah diikuti oleh siswi-siswi. Ini suatu usaha yang bagus kerana

tamaddun Islam penting di Asia Barat dan kerana adanya tamaddun Islam wujudlah Sains, Algebra dan sebagainya. Ini satu tamaddun yang kita harus mempelajari termasuk tamaddun-tamaddun Kristian, Budha dan sebagainya. Semuanya yang penting untuk tamaddun dunia.

Selepas keputusan diambil daripada Perhimpunan Agung UMNO semua universiti-universiti tempatan hendak melaksanakan, mengadakan kursus Tamaddun Islam. Kita seharusnya mengadakan perbincangan dengan kakitangan-kakitangan akademik. Saya beri satu misalan, dengan kursus Kimia ada sepuluh kursus, kalau hendak ada satu kursus Tamaddun Islam maka kursus itu dikurangkan satu masuklah Tamaddun Islam dan sebagainya. Atas jadual dan sebagainya kita hendaklah ada satu perbincangan dengan kakitangan-kakitangan universiti. Kalau tidak silap saya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah jadi seorang Pensyarah di Universiti Malaya. Benarkah itu? (*Ketawa*).

Dato' Musa Hitam: Ahli ini main-main sahaja, Tuan Yang Dipertua, dia tahu.

Timbalan Yang Dipertua: Kita semua tahu.

Dr Tan Seng Giaw: Kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menjadi seorang pensyarah, saya berharap beliau tidak akan berlagak sebagai "kacang lupukan kulit" dan mengambil tindakan supaya segelintir orang di dalam JPA itu janganlah melakukan kegiatan-kegiatan seperti sekumpulan "Mafia", bukan sahaja di. . . .

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya harap Yang Berhormat ini tidak "carried away" dengan adanya saya di sini. Tolonglah tujuan soal ini iaitu berhubung dengan pelajaran, Menteri Pelajaran ada. Dia

tadi tohmah mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional "excited" kerana saya ada. Dia pun excited juga (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, bukan sahaja di universiti, di Parlimen juga kakitangan-kakitangan menderita ada segelintir orang dalam JPA yang degil sehingga kita susah hendak dapat bermesyuarat sehingga pukul 10.00 malam kerana. . . .

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Apa ada kaitannya ini Parlimen dengan JPA dengan Akta ini? Kita hanya minta satu kelulusan supaya membolehkan sebuah Universiti Antarabangsa ditubuhkan. Itu yang enabling clause.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya di sini beri satu contoh, contoh kedegilan segelintir orang dalam JPA yang menjejaskan kakitangan-kakitangan di universiti-universiti dan kakitangan-kakitangan di Parlimen.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Kedegilan JPA serupa dengan kedegilan DAPkah? Sama?

Dr Tan Seng Giaw: Mungkin sama degil dengan Ahli dari Pasir Puteh.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, sila tumpu kepada perbincangan asal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, saya menyeru supaya Kerajaan menimbang mengecualikan universiti swasta daripada peruntukan-peruntukan Akta tersebut dari beberapa sebab. Sekarang ini kita ada banyak penuntut-penuntut lepasan Tingkatan 6 sama ada keturunan Melayu, Cina, India dan sebagainya. Tiap-tiap tahun negara kita di dalam kelima-lima buah universiti ini hanya dapat mengambil cuma 6,700 orang sahaja dan bakinya beribu-ribu penuntut-penuntut tidak berjaya masuk ke universiti.

Dengan keadaan demikian kita ada tiga pilihan. Yang Pertama memperbesar kelima-lima universiti yang sedia ada dan kedua menubuhkan banyak lagi kolej-kolej teknik, kolej-kolej iktisas; dan yang ketiga, tubuhkan lebih universiti.

Dengan adanya Universiti Islam ini satu langkah yang baik menambahkan satu universiti lagi dan saya pun berpendapat jikalau Kerajaan tidak mampu menubuhkan universiti ketujuh, saya berharap universiti keenam itu akan ditubuhkan tidak lama lagi. Kalau tidak mampu kita beri peluang kepada pihak swasta. Ini bukan sahaja untuk mengeluarkan graduan-graduan yang menganggur, kita seharusnya mengikut keperluan tenaga negara. Oleh itu, MAMPU dalam Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengadakan satu bancian untuk mengetahui secara komprehensif keperluan tenaga di negara kita dalam semua bidang dan universiti-universiti yang akan wujud dan sedia ada hendaklah menumpu perhatian kepada keperluan-keperluan tenaga kerana kalau wujudnya graduan-graduan yang menganggur maka ini satu gejala yang tidak baik. Dengan bilangan graduan-graduan

menganggur yang bertambah ini akan menjadi satu bom jangka yang lebih bahaya daripada komunis.

Tentang pengambilan penuntut-penuntut untuk universiti swasta, ini satu perkara yang dapat disetujui dari pihak Kerajaan dan pihak swasta. Kita hendak mengambil penuntut-penuntut yang menunjukkan kebolehan dan kita hendaklah menimbang faktor-faktor sosio-ekonomi.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak beri satu contoh di universiti-universiti Indonesia, Filipina, Thailand, kebanyakan universiti itu ialah universiti swasta dan pula universiti di Amerika Syarikat, Princeton, Harvard, Yale, ini semua universiti swasta yang dibantu oleh Kerajaan. Di England pula ada Cambridge dan Oxford.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang besok, Jumaat, 10-12-82.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.